

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

MOHD JAMIL BIN HAJI MAT ISA

KETUA UNIT KUALITI :

LINDA BINTI ABD HAMID

PENYELARAS :

PENULIS :

1. NURUL IZZA BINTI AB AZIZ
2. JULIANA BINTI MANAN
3. JAMIZAN BINTI JALALUDDIN @ MOHD RASHID
4. MOHD SHARIFUL HAFIZAL B AMINUDDIN
5. INTAN NATASHA BINTI ABDUL AZIM
6. WAN NOR RAIHAN BINTI WAN RAMLI
7. UMMI ZINNIRAH BINTI MOHD YUSOF

8. ABDUL HAKKAM HAFIZ BIN ABDAIN
9. ZAKIYAH BINTI HASAN
10. SYAZA BINTI ABDUL RAHIM
11. MUJAHIDAH BINTI MOHD MISBAHUL MUNIR
12. NUR SHAFIQAH BINTI MUNAZLI
13. NIK SYAHIDA BINTI SABRI
14. NATRINA MARIANE P. TOYONG
15. PRINSES SALIANG

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan adalah peneraju utama dalam merancang dan pengstrukturkan haluan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR) ke arah sistematik dan dinamik dengan cara yang tersendiri dan bermotokan #Adcarakita. Barisan utama kepimpinan kanan FSSR yang berwawasan dan berdedikasi semestinya diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh empat timbalan dekan iaitu Timb.Dekan Hal Ehwal Akademik (TDHEA), Timb.Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP), Timb.Dekan Penyelidikan & Inovasi (TDPI) dan Timb.Dekan Jaringan Industri,Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN) dan seorang Timbalan Pendaftar Ketua Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia. Kepimpinan kanan FSSR juga dibantu oleh empat unit iaitu National Design Centre (NDC), UiTM Photo Centre (UPC) Pusat Percetakan UiTM dan Ketua Galeri Seni FSSR. Kepimpinan kanan juga memimpin warga FSSR seramai 184 staf akademik dan 85 staf pentadbiran.

- a) Memastikan semua staf memahami kepentingan memenuhi keperluan pelanggan, perundangan dan peraturan.
- b) Mewujudkan dan meluluskan Dasar dan Objektif Kualiti
- c) Mengadakan dan mengkaji semula perancangan strategik
- d) Membangunkan dan mewujudkan semula Daftar Risiko FSSR
- e) Mengadakan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan
- f) Memastikan sumber dan maklumat yang perlu adalah mencukupi
- g) Mewujudkan kecermelangan operasi melalui penambahbaikan proses

Perancangan dan Pelaksanaan

Bagi menerajui kelestarian FSSR, Kepimpinan kanan telah merangka pelan perancangan strategik mengikut sasaran strategik UiTM dan objektif UiTM yang menjurus kepada objektif kualiti AD dan ke arah KPI AD. Kepimpinan kanan FSSR sentiasa bertindak proaktif dan inovatif bagi memastikan perancangan strategik yang hebat dan mantap mengikut peredaran situasi dan masa. Bagi merealisasikan tujuan ini beberapa perbincangan dan bengkel dijalankan bersama kepimpinan kanan dan warga FSSR UiTM.

Seterusnya kepimpinan kanan dan jawatankuasa strategik menghasilkan pelan pelaksanaan strategik yang diklasifikasikan melalui tiga Projek Utama (AD) iaitu AD.vantage, AD.miracle dan AD.vocate yang mengfokuskan kepada tiga klasifikasi:

1. Jaringan Alumni AD.vantage : memanfaatkan legasi FSSR yakni jaringan alumni yang utuh,
2. Komuniti AD.vocate : menggalakkan penglibatan pemegang taruh FSSR didalam pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan persekitaran yang lestari
3. Kesukarelawanan AD.miracle : membudayakan penghayatan muhibah dan berbudi pekerti yang tinggi untuk kebaikan sejagat.

Pemantauan dan Tindakan Penambahbaikan

Kepimpinan kanan amat menitik beratkan perancangan strategik direalisasikan supaya projek utama FSSR dapat berjalan dengan lancar. Justeru itu pelan pemantauan yang berterusan dilakukan melalui mekanisma berperingkat. Pemantauan yang dimulakan adalah dari sesi pembentangan projek dan kelulusan program, mensyuarat pengurusan mengenai projek yang dijalankan. Seterusnya untuk memastikan keberkesanan setiap program dan projek yang telah dijalankan beberapa siri perbincangan melalui mesyuarat eksekutif dan MKSP, bengkel perancangan strategik, taklimat Dekan dan post mortem dilakukan setelah tamat projek dan laporan kemajuan sebagai dokumentasi.

1. Mengadakan Mesyuarat eksekutif Tetap dan Berkala.
2. Menyediakan Analisa SWOT di awal dan hujung tahun.
3. Pemantauan Melalui Sistem atas Talian UePMO versi 3
4. Menyediakan Senarai Risiko Bahagian iCAEN, FSSR
5. Pemetaan Output dan Petunjuk Prestasi (PI) FSSR
 - (a) Pemetaan Output dan Petunjuk Prestasi (PI) ICAEN
 - (b) Pemetaan Output dan Petunjuk Prestasi (PI) HEP

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan kanan amat proaktif dalam menggerakkan bidang tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Alumni, komuniti dan kesukarelawanan dimana pelan pelaksanaan strategik diklasifikasikan melalui tiga Projek Utama (**AD**) iaitu **AD.vantage**, **AD.mirable** dan **AD.vocate** yang mengfokuskan seperti berikut:

1. **AD.vantage** (jaringan alumni) : memanfaatkan legasi FSSR yakni jaringan alumni yang utuh.

- **Projek utama ini memperluaskan jaringan alumni terhadap FSSR berserta pelanggan/pemegang taruh dengan mengadakan program bersama. Projek utama AD.vantage ini dikategorikan kepada lima pilihan sekunder iaitu:**

- ALUMNI GIVES BACK
 - LEADERS OF ARTIST AND DESIGNERS (LOAD) & AD DESIGN EXPO (ADDE) – ENGAGING THE ALUMNI
 - MOVING FORWARD WITH ALUMNI
 - ON THE GROUND WITH ALUMNI
 - ART WITH ALUMNI
- Program – program ini dijalankan bersama Alumni agar pelanggan mendapat manfaat dan perspektif professional dalam mencapai sasaran strategik UiTM (5) sebagai Graduan Akademik dimana kesinambungan objektif kualiti AD (OK 5- Employability) memastikan kadar kebolehan pasaran siswaza.

2. **AD.vocate** (komuniti) : menggalakkan penglibatan pemegang taruh FSSR didalam pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan persekitaran yang lestari

- Projek utama ini memperkenalkan AD/FSSR kepada pemegang taruh secara *visibility* terhadap komuniti dan pelbagai aspek yang lain. Projek utama AD.vocate ini dikategorikan kepada 5 pilihan sekunder iaitu:

- SENI UNTUK KOMUNITI
- BUAL BICARA BAGI KOMUNITI BERSASAR
- TATAPAN KOMUNITI SENI
- LEADERS OF ARTIST AND DESIGNERS (LOAD) & AD DESIGN EXPO (ADDE) – BUILDING THE COMMUNITY
- MOU / JALINAN KERJASAMA

- Program – program ini dapat mempengaruhi persepsi komuniti terhadap FSSR bukan sekadar seni, bahkan FSSR adalah peneraju intelektual. Ini adalah strategi untuk mencapai sasaran strategik UiTM (1) sebagai Aksesibiliti dimana objektif kualiti AD (OK 1- Enrolment) mencapai enrolmen 4000 pelajar menjelang 2025.

3. **AD.mirable** (kesukarelawanan) : membudayakan penghayatan muhibah dan berbudi pekerti yang tinggi untuk kebaikan sejagat.

- Projek utama ini mempereratkan pemegang taruh secara holistik dan kesukarelawanan

salah satu perbagai aspek program ini amategemah kepada 1 pumah beranah, kama

- KARYA UNTUK SEMUA
- WE SHARE MORE, WE HAVE MORE
- LESTARI ALAM
- SERVICING VIA SOCIO ECONOMY

- Program – program ini dilakukan secara kesukarelawanan bagi menghasilkan pemegang taruh yang lebih bersifat muhibah dan berbudi pekerti. Ini adalah sasaran strategik UiTM (6) sebagai Pendidikan Tinggi Berkualiti dimana objektif kualiti AD (OK 6- research & consultancy) bagi menghasilkan penyelidikan, penerbitan ilmiah, karya kreatif, inovasi, harta intelek atau perundingan berdaftar menjelang 2025.

Iniatif program jalinan kerjasama FSSR yang memberi impak sewaktu negara sedang dilanda pandemik **COVID-19**, satu Projek Khas Penghasilan Personal Protective Equipment (PPE) yang dijalankan serta merta bagi membantu komuniti yang memerlukan ketika itu. Program PPE tersebut tidak terhenti disitu, dua lagi program PPE diteruskan usahasama **3AD**. Alumni, Komuniti dan kesukarelawanan. iaitu *Collaborative CSR project between UiTM'S own fashion dept, FSSR, & FSG 'PPE for Sabah* dan Bantuan Rangsangan Ekonomi FASTO Pasca Covid-19 (SULAM-BREF).

Walaupun dalam situasi pandemik ini, kawalan pergerakan MCO dan kekurangan tenaga kerja, warga FSSR dan Kepimpinan kanan telah menjayakan program yang berimpak tinggi mengikut klasifikasi 3AD iaitu **AD.vantage (Alumni) Webinar Series with Alumni, ADDE Professional Talk** dan AnDIC. Klasifikasi seterusnya **AD.vocate (Komuniti)** menggerakkan inisiatif yang sangat berimpak tinggi melalui Abilympic, AD Travelog (Cambodia), Program Ibu Tunggal dan *Biodiversity Tourism UN-SDG Project* di Langkawi & Pulau Tuba dan **AD.mirable (Kesukarelawanan)** telah dilaksanakan di bawah tiga fasa PPE.

Sila Rujuk:

Lampiran 1.2.1 AD.vantage, AD.mirable dan AD.vocate

Lampiran 1.2.2 Projek Utama AD

Lampiran 1.3.5 Taklimat Townhall ICAN

Sila melayari <https://youtu.be/4uT725RzT34>

SENARAI BUKTI:

1. [1.2.1.pdf](#)
2. [1.2.2.pdf](#)
3. [1.2.2.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan FSSR mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang dalam bidang tumpuan melalui Pelan Strategik FSSR 2019 - 2023 dan RMKe – 11 UiTM. Kepimpinan kanan juga telah mengenal pasti kumpulan sasaran bagi menggerakkan inisiatif serta program tahun yang telah dirancang mengikut pemetaan RMKe – 11 UiTM. Berikut adalah mekanisme yang digunakan oleh kepimpinan kanan FSSR:-

Penglibatan Semua Kumpulan Sasar di dalam Proses Perancangan dan Penambahbaikan Pelan Strategik FSSR.

Dua (2) bengkel berkaitan telah dijalankan untuk mengemaskini perancangan strategik FSSR dari masa ke semasa. Kesemua PTJ, Ketua Projek serta semua ahli fakulti telah diberitahu tentang perancangan yang dibuat melalui perjumpaan staf bersama Dekan serta Taklimat Perdana pencapaian fakulti.

Komunikasi Berkesan

Kepimpinan Kanan menyedari proses komunikasi dua hala yang berkesan antara Kepimpinan Kanan, warga FSSR dan pemegang taruh merupakan antara elemen penting bagi memastikan proses penyampaian aspirasi perancangan strategik FSSR berjalan dengan efektif. Perhubungan yang baik bersama pihak luar dan dalam universiti juga keutamaan kepimpinan kanan dimana program **AD.vantage, AD.vocate dan AD.mirable** (3AD) dapat berjalan dengan baik.

Jesteru, komunikasi yang berkesan oleh kepimpinan kanan ini memberi impak kepada FSSR dan universiti. Sewaktu pandemik Covid-19 melanda negara, FSSR telah mengambil inisiatif untuk membantu negara dengan menghasilkan 8450 PPE dan menyalurkan kepada beberapa hospital yang terkesan dengan Covid-19. Usaha yang jitu ini memberi impak kepada Alumni dan Komuniti sejurus mempengaruhi pemegang taruh sebagai kesukarelawan. Program ini telah menjadi trend di FSSR kerana berjalan secara berterusan sehingga ke fasa 3. Program ini juga mendapat kerjasama bukan sahaja Alumni bahkan dari pihak luar seperti TUDM, KKM, dan lebih dari 10 buah hospital di Malaysia. Boleh melayari

https://www.instagram.com/tv/B-8piQ1hpwl/?utm_medium=copy_link

Kepimpinan kanan dan warga FSSR telah menjalankan beberapa program seperti *Webinar Series with Alumni, ADDE, Professional Talk* dan AnDIC dan juga menggerakkan inisiatif yang sangat berimpak tinggi melalui Abilympic, AD Travelog (Cambodia), Program Ibu Tunggal dan *Biodiversity Tourism UN-SDG Project* di Langkawi & Pulau Tuba.

FASA 1 – PPE : SPECIAL PROJECT PREPPING PPE

FASA 2 – PPE: PPE FOR SABAH

FASA 3 – PPE : SULAM via BREF

(rujuk https://www.instagram.com/tv/B-q0skBRCa/?utm_medium=copy_link)

Penilaian Prestasi Berterusan

Kepimpinan kanan sentiasa memaklumkan warga FSSR mengenai pencapaian penilaian prestasi berterusan di FSSR terhadap status dan progres terkini. Pelan Perancangan Strategik 2019 – 2023 juga dimaklumkan mengenai progres terkini pencapaian perancangan strategik FSSR. Kepimpinan kanan sentiasa memaklumkan warganya dan pihak berkepentingan mengenai status perancangan strategik FSSR di setiap perjumpaan, taklimat rasmi dan pembentangan permulaan sesi jaringan industri dan lawatan akademik rasmi wakil universiti dalam dan luar negara serta ketika pembentangan pembukaan sesi audit dalam dan audit luar InQka.

Sila rujuk :

Gambar rajah : 1.3 (a) Taklimat Dekan dan pengurusan bersama staf FSSR

Gambar rajah 1.3 (b) Penghasilan PPE 1

Gambar rajah 1.3 (c) Penghasilan PPE 2

Gambar rajah 1.3 (d) Penghasilan PPE 3

Gambar rajah 1.3 (e) Art & Design International Conference 2020 AnDIC

Lampiran 1.3.1 Taklimat slide townhall ICAN

Lampiran 1.3.2 AD3 perincian program

Lampiran 1.3.3 Perancangan Strategik Revised 2020 (UiTM PS 2020-2025)

Lampiran 1.3.4 AD 3 elements

Lampiran 1.3.5 Laporan UHI 3.0 FSSR_2020

Lampiran 1.4.3.3 5R 1I mapping for AD PROJECTS

Link : https://www.instagram.com/tv/B-8piQ1hpwI/?utm_medium=copy_link

Link : https://www.instagram.com/tv/B-q-0skBRCa/?utm_medium=copy_link

SENARAI BUKTI :

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan sangat menitik beratkan segala projek utama berjalan dengan lancar,.
Kepimpinan kanan juga mempunyai pelan pemantauan yang rapi, terperinci dan sistematik dan telah digunapakai bagi memastikan kejayaan dalam bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan tercapai.

Justeru, pelan tersebut juga merupakan pelan yang komprehensif di mana ia dapat juga mengenal pasti punca kegagalan sesuatu inisiatif yang diusahakan dan tindakan kontigensi yang diperlukan atau tindakan penambahbaikan untuk mencapai perancangan yang telah dibuat. Pelan pemantauan dilaksanakan melalui beberapa mekannisma seperti berikut:

- Mengadakan Mesyuarat tetap dan berkala
- SWOT analisa program
- Pemantauan melalui sistem UePMO
- *Post mortem program* dan Laporan Kemajuan program.
- Mensyuarat Pengurusan tertinggi

Kepimpinan kanan juga mengadakan mensyuarat bersama KPP dan KP secara berkala bagi memantau pelaksanaan dan perincian status projek yang dijalankan bagi setiap jabatan di FSSR. Selain itu perbincangan dan perjumpaan bersama Alumni dan komuniti juga dilakukan mengikut kesesuaian dan keperluan bagi pemantauan projek.

Mengikut kemajuan teknologi terkini, pemantauan dan maklumbalas juga dilakukan melalui penggunaan media sosial agar maklumat lebih pantas diterima dari kesemua pemegang taruh. Aplikasi media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Instagram FSSR, Laman sesawang FSSR dan emel dijadikan platform pemantauan yang efektif dan komprehensif. Tidak lupa **#Adcarakita** digunakan bagi pencarian mudah didalam aplikasi yang telah dinyatakan.

Borang penilaian dan maklumbalas juga diberikan kepada pemegang taruh atau individu yang menyertai setiap projek yang telah dijalankan sebagai pengukur keberkesanan dan analisa tahap kepuasan hati pelanggan dan sejurus itu dapat membuat penambahbaikan bagi projek yang akan datang.

Sila rujuk:

Lampiran 1.3.3 Perancangan Strategik Revised 2020 (UiTM PS 2020-2025)

Lampiran 1.4.1.1 Takwim Pengoperasian Quad 2021_A3 Official

Lampiran 1.4..1.2 Pembahagian Bacaan Minit Mksp Berkala 2021_A3

Lampiran 1.4.1.3 Pencapaian Kpi Fssr 2020 UePMO

Lampiran 1.4.1.4 Laporan Ppe & Sulam 1.0

Lampiran 1.4.1.5 Laporan Ppe & Sulam 2.0

Lampiran 1.4.1.6 Report_ Special Project Ppe (3)

Lampiran 1.4.1.7 Swot Analysis Ad

Gambar rajah 1.4.1 (a) facebook fakulti seni lukis & seni reka

Gambar rajah 1.4.1 (b) Akaun Instagram Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Gambar rajah 1.4.1 (c) #ADcarakita pencarian mudah fakulti

Gambar Rajah 1.4.1 (D) Laman Sesawang Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Gambar rajah 1.4.1 (e) SWOT Analisa FSSR

Link : <https://ad.uitm.edu.my/>

SENARAI BUKTI:

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan kanan FSSR memastikan pelaksanaan tiga projek utama **3AD** iaitu **AD.vantage**, **AD.vocate** dan **AD.miracle** berjaya dijalankan dan membuahkan hasil yang positif. Dalam menjalankan setiap projek pastinya berhadapan dengan pelbagai risiko dengan itu kepimpinan kanan mengenal pasti kaedah mencegah risiko yang bakal berlaku.

Analisa SWOT diguna pakai bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan projek yang dijalankan mengikut pencapaian setiap projek utama 3AD dalam bidang tumpuan.

Kepimpinan kanan menganalisa risiko yang mungkin berlaku dan akan berlaku sewaktu berjalannya projek dalam bidang tumpuan bagi membolehkan risiko dioptimumkan ke tahap yang rendah. Proses pengurusan risiko FSSR adalah berdasarkan arahan dasar dan mekanisme pengurusan risiko UiTM. Terdapat lima (5) risiko yang dikenal pasti iaitu :

1. **RISIKO PROJEK & STRATEGIK** : keadaan luar jangka semasa tempoh pelaksanaan projek dan halangan kepada halatuju objektif FSSR
2. **RISIKO KEWANGAN** : kekangan keupayaan kewangan bagi menjalankan inisiatif strategik FSSR
3. **RISIKO OPERASI** : perkara yang melibatkan proses kerja bagi mencapai matlamat projek bidang tumpuan dan FSSR.
4. **RISIKO REPUTASI** : kejadian atau perkara yang melibatkan imej FSSR sewaktu projek berjalan.
5. **RISIKO PERUNDANGAN** : perkara yang boleh melibatkan implikasi undang-undang

Terdapat dua (2) risiko kecemasan yang di kenal pasti sewaktu berlakunya pandemic Covid-19 iaitu :

1. **RISIKO PANDEMIC COVID-19** : perkara yang melibatkan rantaian covid-19 dan kekangan & kebatasan bekerja secara kumpulan.
2. **RISIKO PERUBAHAN POLISI** : polisi yang berubah mengikut peredaran masa.

Sila rujuk

Lampiran 1.4.2.1 Prosedur Pengurusan Risiko

Lampiran 1.4.2.2 Manual Kualiti FSSR

Lampiran 1.4.2.3 infografik risiko

Lampiran 1.4.3.3 5R 1I mapping for AD PROJECTS

SENARAI BUKTI :

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan mengkaji semula projek yang berlangsung dan mengambil tindakan penambahbaikan pada setiap awal tahun bagi mengambil langkah proaktif dan kelestarian setiap projek yang akan berlangsung.

Kepimpinan kanan FSSR akan mengadakan mesyuarat kumpulan semakan pengurusan MKSP setiap tahun bagi melaporkan aktiviti tahunan FSSR dan input kajian semula pengurusan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Merujuk kepada lampiran 1.4.1.2 pembahagian bacaan minit mesyuarat MKSP, Lampiran 1.4.3.2 Mesyuarat MPE

dan lampiran 1.4.2.2 manual kualiti FSSR 9.1.1 mukasurat 37.

Susulan itu, beberapa aspek kajian semula dan penambahbaikan diambil kira adalah seperti berikut:

1. **Tindakan pengurusan dalam menjalankan projek semasa dan sewaktu pandemik**
2. **Perubahan isu luaran dan dalaman FSSR dalam pelaksanaan projek**
3. **Kepuasan pelanggan dan maklumbalas daripada pihak berkepentingan dan pemegang taruh**
4. **Tahap objektif dan inisiatif dianalisa setelah tamat projek**
5. **Pengukuran dan keputusan pemantauan**
6. **Keberkesanan tindakan yang diambil dalam menangani risiko dan peluang**

Kepimpinan kanan mengambil tindakan setelah mengkaji semula segala aspek yang dinyatakan bagi penambahbaikan projek 3AD iaitu AD.vantage , AD.vocate dan AD.miracle yang akan dijalankan pada masa hadapan. Kepimpinan kanan dan warga FSSR sentiasa memastikan penambahbaikan dilakukan dalam bidang tumpuan jaringan Alumni, komuniti dan sukarelawan agar lebih efisien dan mantap walaupun mengalami kesulitan sewaktu pandemik Covid-19. Kepimpinan Kanan dan Pasukan Pelan Strategik FSSR telah menerapkan lima (5) strategi inovasi penambahbaikan dan diaplikasikan dalam projek –projek FSSR iaitu AD.aptive supaya segala projek dapat dijalankan dalam *Framework* yang telah ditetapkan.

AD.aptive 2020

SUBTRACTION – MULTIPLICATION – DIVISION – ATTRIBUTE DEPENDENCY – TASK UNIFICATION

- 1) **SUBTRACTION** : Mengenalpastikan/ mengelak elemen, risiko atau faktor yang tidak boleh (atau sukar) dikawal oleh PTJ/PIC/*stakeholders* dalam pelaksanaan projek.
- 2) **MULTIPLICATION** : Menjalankan aktiviti yang sama pada skala/ situasi / kumpulan sasaran yang berbeza dan masih dapat menepati objektif strategik.
- 3) **DIVISION** : Membahagikan tugas/kepakaran *task force* dan membuat kluster komponen bidang tumpuan supaya program mudah digerakkan dan sasaran lebih mudah dicapai.
- 4) **ATTRIBUTE DEPENDENCY** : Memantapkan *visibility* dan strategi promosi dengan meletakkan FSSR sebagai fakulti yang mesra komuniti dan aktif sukarelawan dengan ikon-ikon

manipulasi yang sama-sama berkebalikan.

5) **TASK UNIFICATION** : Menggunakan kaedah, platform, *resources* yang sama bagi penggunaan aktiviti dan menjana sesuatu yang baru serta pelbagai dari hasil-hasil program bidang tumpuan di bawah 3 kluster projek AD tersebut.

Sila Rujuk :

Lampiran 1.4.1.2 pembahagian bacaan minit mesyuarat MKSP

Lampiran 1.4.2.2 manual kualiti FSSR

Lampiran 1.4.3.1 AD_Timeline

Lampiran 1.4.3.2 Mesyuarat MPE

Lampiran 1.4.3.3 5R 1I mapping for AD PROJECTS

Gambar rajah 1.4.3.1 Muka hadapan Minit Mesyuarat ANDic *Post-Mortem*

Gamabr rajah 1.4.3.2 Contoh Laporan mengkaji semula dan Post-Mortem program PPE -1

Gambar rajah 1.4.3.3 Contoh Laporan mengkaji semula dan Post-Mortem program PPE -2

SENARAI BUKTI :

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan di FSSR bercirikan Kepimpinan Berinovatif, ini dapat dibuktikan dengan pengurusan pemimpin kanan FSSR dalam menerima setiap arahan dan pematuhan kepada perubahan, selari dengan keperluan kerajaan, arahan KPT, pematuhan MQA dan juga agenda UiTM. Ianya boleh dilihat dari pengalaman, kebijaksanaan dan keupayaan pemimpin kanan FSSR melaksanakan tugas secara efektif dan berkesan

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik bergerak seiring dalam memastikan keberhasilan bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan dicapai serta dipantau, Kepimpinan Kanan FSSR telah memutuskan untuk menyebarkan maklumat berikut melalui pelbagai mekanisme.

PELAN STRATEGIK FSSR

1. Perancangan strategik FSSR mempunyai enam (6) sinergi kumpulan dalam pelbagai bidang tumpuan. Didalam setiap sinergi pelan strategik ini akan diketuai oleh seorang PTJ/Leader bagi menggerakkan projek - projek bidang tumpuan.
2. Pemetaan yang melibatkan projek – projek jaringan Alumni, komuniti dan kesukarelawanan mengikut Inisiatif dan projek mesti menindik sasaran dan kriteria yang telah dibincangkan.

MAKLUMAN, UNJURAN DAN HALA TUJU FSSR

1. Makluman melalui sesi town hall bersama warga FSSR dan temu ramah bersama pemegang taruh dilakukan secara berkala agar dapat menghulurkan maklumat secara efektif bagi mewartakan visi dan hala tuju FSSR mengikut kreativiti bidang tumpuan FSSR .
2. Bengkel perancangan strategik, mesyuarat kaji semula (*revisit*) perancangan strategik dan taklimat adalah saluran yang digunapakai bagi penerangan setiap projek dan inisiatif kepada kumpulan sasaran dan PTJ yang terlibat dengan lebih terperinci.

KOMUNIKASI

1. Kepimpinan Kanan juga melaksanakan strategi '*TOP-to-DOWN*' pengurusan di mana setiap PTJ mempunyai sasaran program, Ketua-ketua Pusat Pengajian (KPP) yang telah di kluster kepada bidang seni juga diberikan PI khusus, dan setiap Jabatan atau unit (EK, NDC, SBU, PDC) dan Program Pengajian di sasaran untuk menggerakkan projek-projek dalam bidang tumpuan mengikut kepakaran dan kapasiti masing-masing. .
2. Mensyuarat Eksekutif dan sesi *town hall* bersama dekan dan staf akan menyalurkan maklumat dan objektif projek bidang tumpuan kepada semua PTJ, KPP, KP dan ketua unit agar maklumat terperinci dapat dibincangkan didalam mesyuarat jabatan tersendiri. Dengan adanya komunikasi begini kesemua jabatan dapat merangka inisiatif atau projek sebagai sasaran tahunan yang lebih efektif dan tertumpu kepada bidang tumpuan. (rujuk
3. Kepimpinan kanan juga akan menerima makluman dari *DOWN-to-TOP* dimana setiap jabatan atau unit akan menggerakkan dan melaksanakan inisiatif yang telah disasarkan. Mesyuarat jabatan dilakukan secara berkala kerana pihak jabatan akan melaporkan status projek dan pencaipaan kepada KP agar dapat disampaikan dan dikemukakan didalam mesyuarat pengurusan sebagai makluman kepada kepimpinan kanan.
4. Setiap projek akan disertakan laporan baqi tindakan rekod dan dokumentasi setelah

dianalisa dan *post-mortem*.

Walau dilanda pandemik Covid-19 ini, kepimpinan kanan dan warga FSSR masih melakukan pelbagai inisiatif agar bidang tumpuan masih boleh berjalan dengan jayanya. Projek utama 3AD masih diteruskan dengan mengekalkan SOP seperti **AD.miracle (Kesukarelawan)** telah dilaksanakan di bawah inisiatif program PPE Covid-19 yang berlangsung di FSSR. Tidak dilupakan **AD.vantage (Alumni)** dan **AD.vocate (Komuniti)** telah berjaya dijalankan melalui projek *Webinar Series with Alumni, ADDE Professional Talk* dan AnDIC.

.

Sila rujuk :

Lampiran 1.5.1 Senarai carta

Lampiran 1.5.2 Senarai gambar rajah

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik FSSR yang sistematik dan dinamik merupakan asas kejayaan perancangan, pelaksanaan serta proses dalam pengurusan program berimpak tinggi serta inisiatif yang melibatkan jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Dibawah penyeliaan Unit Perancangan Maklumat dan Strategik (UPMS tahun 2019), Pusat Strategik Transformasi Universiti (PSTU tahun 2020) serta Unik Kualiti FSSR (QUAD), agenda serta pementapan program disemak dari semasa ke semasa agar inisiatif serta strategi pelaksanaan adalah sejajar dengan objektif fakulti, UiTM dan KPT. Kerjasama dengan Unit Kualiti serta PTJ yang terlibat juga digerakkan secara efektif dalam memastikan pelaksanaan Perancangan Strategik (PS) berjalan dengan tepat, lancar dan berkesan.

Perancangan & Pelaksanaan:

PS yang dirancang dalam Pelan Perancangan Strategik FSSR 2019 – 2023 (Rujuk Lampiran 2.1.1) merangkumi pelan tindakan bagi enam (6) bahagian utama Fakulti iaitu HEA, HEP, ICAEN, P&I, QUAD dan Bahagian Pengurusan/Pentadbiran. PS yang dibuat juga telah dipetakan mengikut Objektif Strategik dari PPMS (2016-2020), Pelan Strategik UiTM-BTU 2025, Malaysia Education Blueprint, serta RMKe-11. Perancangan dibuat dengan meletakkan halatuju pencapaian KPI/PI setiap bahagian mengikut kekuatan (*forte*) serta kapasiti denominator, pelajar, fleksibiliti dan adaptabiliti kurikulum, serta hubungan dua hala dengan komuniti, alumni serta kumpulan sasaran. Projek skala mikro, sederhana dan besar disasarkan mengikut sasaran CSPI (2019) serta tiga kluster Projek AD yang dibentangkan pada tahun 2020 iaitu i) AD.mirabile, ii) AD.vocate, dan iii) AD.vantage melalui sasaran pencapaian mengikut jangka masa pendek dan panjang.

Visi dan misi FSSR ke arah menjadi pusat rujukan utama dalam bidang seni, rekaan dan inovasi kreativiti serta pemangkin kepada Kolej Rujukan Seni dan Sosial yang diiktiraf peringkat global (*Globally Renowned Art & Design College and Regional Creative Hub*) telah dijadikan sebagai rujukan utama dalam memastikan keberkesanan serta impak setiap program yang dijalankan menepati ruang lingkup sasaran iaitu pementapan dalam jaringan bersama alumni, komuniti dan kesukarelawan. Sejak tahun 2018 juga, majoriti dari inisiatif serta program-program yang telah dijalankan menepati kepentingan *Sustainable Development Goals* (SDGs) dalam memberi impak kepada manusia serta alam sejagat. Setiap bahagian utama yang diketuai oleh PTJ telah dipertanggungjawabkan dalam pelaksanaan projek-projek khas CSPI pada tahun 2019, serta projek-projek di bawah tiga kluster AD tersebut (tahun 2020).

Pemantauan & Tindakan Penambahbaikan:

Melalui objektif strategik (OS) PS serta objektif kualiti (OK) FSSR, majoriti projek dan inisiatif telah dijalankan menepati sasaran KPI/PI dari pihak BTU (Rujuk Lampiran 2.1.2). Bengkel PS yang telah dijalankan pada tahun 2019 juga telah menetapkan kumpulan Sinergi sebagai *Think-Tank Group* dalam membantu menentukan hala tuju FSSR bagi 5 tahun ke hadapan. Dalam memastikan keberkesanan setiap program, projek mahupun inisiatif tersebut, beberapa siri perbincangan (*post-mortem discussions and revisit*) berkaitan dengan program-program yang dirancang telah berlangsung sepanjang tahun 2019-2020 melalui Mesyuarat Unit Kualiti, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat JK PS, taklimat pencapaian fakulti serta perbincangan dan pelaporan status pencapaian PI FSSR setiap tiga (3) bulan (setiap suku tahun/quarterly reporting) melalui kemaskini data pencapaian ke pihak BTU (dengan sistem UePMO). Bermula tahun 2020, program-program dalam bidang tumpuan juga dipantau dan

diaporkan pencapaiannya menggunakan Sistem Maklumat Analisa & Repositori SIMART .

Kesemua projek atau inisiatif yang disasarkan kepada alumni, komuniti dan masyarakat telah dipetakan sejajar dengan OS FSSR dengan mengenalpasti kriteria-kriteria pematapan dan penambahbaikan ke arah membentuk modal insan secara holistik bagi pelajar dan graduan agar dapat dijana secara berkesan (*internal aspect*). Ini juga melibatkan *stakeholder* Fakulti yang banyak memberi implikasi kepada pembangunan FSSR secara keseluruhan (*external aspect*).

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan Perancangan Strategik

Penetapan Objektif Strategik (OS) FSSR 2016-2020:

Penetapan OS bagi bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kemasyarakatan FSSR adalah sejajar dengan RMKe-11 UiTM 2016-2020 (Rujuk Lampiran 2.2.1) dan PS UiTM 2025 (Rujuk Lampiran 2.2.2) yang antaranya memberi penekanan kepada aspek i) Graduan Dinamik, ii) Aksesibiliti dan iii) Pendidikan Berkualiti Tinggi. Ia juga selari dengan agenda negara dalam melahirkan graduan yang holistik. Menerusi impak pandemik Covid-19 yang memberi kesan kepada strategi pelaksanaan program-program sedia ada dan telah dirancang, pada bulan Mei tahun 2020, FSSR telah merangka semula pelan tindakan intervensi bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan mampu dicapai melalui model yang lebih adaptif mengikut situasi serta kekangan dari pelbagai sudut. Sehubungan dengan itu, salah satu strategi utama telah dibentangkan dan dijalankan melalui tiga kluster projek khas bagi bidang tumpuan tersebut. (Rujuk lampiran 2.2.3)

Jadual Pemetaan OS,OK dan RMKe-11 UiTM

Pemetaan keseluruhan rangka kerja Pelan Perancangan Strategik FSSR 2019-2023 adalah relevan dengan bidang tumpuan (seperti dalam lampiran 2.2.3). Dokumen pelan dirangka merangkumi Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11 Midterm Revised Version), Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia, RMKe-11 UiTM, Objektif Strategik dan Objektif Kualiti FSSR, Bidang Tumpuan Alumni, Komuniti & Kemasyarakatan, KPI dan PI berkaitan bidang tumpuan serta analisa berterusan hasil aktiviti/ program/ inisiatif yang telah dijalankan.

Intervensi Strategi Pelaksanaan Fleksibel & Ideal Bidang Tumpuan (2020 – 2023):

Hasil dari impak pandemik COVID-19 pada tahun 2020, enam bahagian utama FSSR yang melibatkan PTJ dari HEA, HEP, ICAN, P&I, QUAD dan Bahagian Pengurusan/Pentadbiran telah membuat strategi intervensi bagi memastikan sasaran pencapaian bidang tumpuan tetap dapat dijalankan dengan menindik tiga tujuh kluster unik dengan mod penekanan yang bersifat fleksibel dan ideal. Pelan intervensi ini menetapkan agar kesemua program atau inisiatif bagi bidang tumpuan masih dapat dijalankan dan pelanggan mahupun stakeholders dapat bekerjasama mengadaptasi kekangan dan terus agile dalam sasaran dan pencapaian projek. (Rujuk lampiran 2.2.4). Kaedah ini dilihat sangat berkesan dan sasaran dapat dicapai dengan jayanya. Kesemua projek atau inisiatif juga mesti menjawab isu yang ditekankan dalam bidang SDG sepertimana yang disaran oleh United Nation dalam pengukuran impact factor pelaksanaannya. (Rujuk lampiran 2.2.5 Pemetaan projek – UN SDG). Bermula tahun 2020, bagi setiap projek yang dijalankan di bawah unit ICAN, akan dibuat analisa melalui Sistem Maklumat Analisa & Repositori 'SMART' bagi pengukuran terperinci aspek keberkesanan dan impak program-program yang akan atau telah dilaksanakan.

Pemantapan pelaksanaan mengikut tiga (3) kluster tumpuan:

Tiga kluster yang dimantapkan hasil dari pelan strategik intervensi 2020 bagi bidang tumpuan di FSSR adalah:

(Rujuk Lampiran 2.2.5 - Senarai program, projek dan inisiatif di bawah setiap AD-kluster bidang tumpuan)

1. AD.vantage (Alumni) : Merupakan kluster tumpuan terhadap projek dan inisiatif bersama alumni. Objektif sasaran adalah untuk memanfaatkan legasi dan visibility FSSR dengan jaringan alumni yang kukuh.

2. AD.vocate (Komuniti) : Diwujudkan khas bagi tumpuan terhadap kelompok komuniti dan kemasyarakatan. Objektif utama adalah untuk menggalakkan penglibatan pemegang taruh (stakeholder) FSSR di dalam pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan persekitaran yang lestari.

3. AD.mirable (Kesukarelawan) : Menjadi pendukung kepada sasaran objektif terhadap kesukarelawan. Pelaksanaan program-program kesukarelawan ini merupakan landasan dalam membudayakan penghayatan muhibbah, kemanusiaan, modal insan yang holistik serta budi pekerti yang tinggi untuk kebaikan sejagat.

SENARAI BUKTI:

1. [LAMPIRAN 2.2.1_PERANCANGAN STRATEGIK 2019 \(2019-2023\).pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan dan Pelaksanaan Dinamik:

Program serta inisiatif yang digerakkan dalam tahun 2019 adalah berlandaskan objektif serta pelan strategik khas yang berfokuskan kepada projek utama CSPI dimana enam (6) gugusan kumpulan Sinergi AD telah digerakkan bagi mencapai sasaran serta objektif strategik fakulti dan RMKe-11 UiTM melalui bengkel Perancangan Strategik dan sesi perbincangan berkala kemaskini status pencapaian KPI/PI dari semasa ke semasa. Objektif Strategik dibentuk dan dirangka mengikut kepakaran dan kapasiti warga Fakulti serta visi Pelan Strategik FSSR 2019-2023. Justeru, setiap gugusan Sinergi AD telah mengenalpasti dan menggerakkan inisiatif serta program tahunan yang telah dirancang mengikut pemetaan RMKe-11 UiTM (2016-2020). Bagi pemantapan pelaksanaan, FSSR telah menambah baik pelan strategik dari tahun sebelumnya (2019) dengan pemetaan Pelan Strategik UiTM 2020-2025 baharu yang telah dilancarkan pada tahun 2020 (Rujuk Lampiran <https://anyflip.com/ynar/zoyw>). Strategik Intervensi juga telah dikuatkuasakan mengikut model adaptasi pandemik Covid-19 dalam memastikan pelaksanaan program masih dapat digerakkan secara fleksibel.

Berikut adalah jadual projek-projek CSPI di bawah Perancangan Strategik FSSR tahun 2019, serta program dan inisiatif yang dimantapkan mengikut PS UiTM 2025 bagi tahun 2020:
-Jadual projek-projek 2019 & 2020-

Kenalpasti Faktor Impak & Risiko:

Sebelum perluasan inisiatif strategik dijalankan, cadangan dan sasaran objektif program telah dianalisis untuk mengenalpasti faktor impak (impact factor) serta risiko yang akan terlibat dalam pelaksanaan setiap program tersebut. Impak faktor diukur dari penggunaan model framework 5R 1I serta dinilai berdasarkan Key Performance Indicator (KPI) yang telah ditetapkan bagi setiap projek atau inisiatif. (Rujuk Lampiran infografik 2.3.1)

Pengukuran 5R 1I bagi analisa Impak Faktor Projek/Inisiatif Strategik Bidang Tumpuan:

R= REVENUE, R=REPUTATION, R=RECRUITMENT, R=RETENTION, R=RELATIONSHIPS, I=IMPACT

Risiko yang dikenalpasti mengikut Strategic Action Plan FSSR (SAP) :

STRATEGIK, KEWANGAN, OPERASI, REPUTASI, PERUNDANGAN

Penilaian KPI berkaitan dengan PI Bidang Tumpuan adalah seperti berikut:

Kenalpasti kekuatan dan keunikan AD:

Dalam usaha memastikan setiap projek dan inisiatif yang dijalankan adalah sejajar dengan OS dan OK FSSR yang telah dirangka dalam PS FSSR 2019-2023, analisa kekuatan dan keunikan FSSR telah dijalankan sebagai usaha mengukur pencapaian yang realistik atau ideal dan strategik serta dapat menonjolkan keunikan FSSR sebagai institusi yang mesra komuniti dan rapat dengan usaha sukarelawan. Model analisis SWOT telah dibuat dengan mengambil kira faktor external dan internal origin yang berupaya menilai kekuatan fakulti dalam melaksanakan program-program serta pencapaian KPI yang disasarkan. (Rujuk Lampiran 2.3.2 Analisis

SWOT bidang tumpuan dibawah intervensi PS tahun 2020)

Clustering AD Projects mengikut RMKe-11 UiTM:

Mesyuarat kaji semula (revisit) PS dan projek-projek CSPI 2019 telah dibuat bagi menilai semula keberkesanan pelaksanaannya (Rujuk Lampiran 2.3.3). Isu pandemik COVID-19 telah membantu pihak fakulti untuk memantapkan lagi strategi serta kempen program dan inisiatif bidang tumpuan ke satu tahap yang lebih trendy dan fleksibel untuk digerakkan oleh semua pelanggan serta stakeholder dalam masa yang sama masih sejajar dengan OS RMKe-11 yang ditetapkan. Tiga AD-kluster baharu ini membantu FSSR dalam menyempurnakan projek-projek tersebut dengan jayanya walaupun dalam limitasi serta kekangan pergerakan MCO dan kekurangan tenaga kerja di lapangan. AD.vantage (Kluster projek Alumni) telah berjaya dijalankan sebagai contoh melalui projek Webinar Series with Alumni, ADDE Professional Talk dan AnDIC. Manakala AD.vocate (Kluster projek Komuniti) menggerakkan inisiatif yang sangat berimpak tinggi melalui Abilympic, AD Travelog (Cambodia), Program Ibu Tunggal dan Biodiversity Tourism UN-SDG Project di Langkawi & Pulau Tuba. AD.miracle (Kluster projek Kesukarelawan) juga telah berjaya dilaksanakan di bawah inisiatif program PPE Covid-19 di bawah SULAM, program “We Share More, We Have More” dan projek Lestari Alam.

(Rujuk Lampiran 2.3.4 Senarai Program/Inisiatif dibawah setiap sasaran AD-Kluster)

SENARAI BUKTI :

1. [LAMPIRAN 2.3.1_PROJEK CSPI DAN INISIATIF 2019.pdf](#)
2. [LAMPIRAN 2.3.2_MAPPING AD 3 CLUSTERS.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan Objektif & Inisiatif Strategik:

Dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik bagi bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan jayanya, FSSR telah merangka pelan pemantauan yang sistematik iaitu merangkumi lima fasa utama iaitu: i) Perancangan, ii) Pelaksanaan dan Tindakan Gerak Kerja, iii) Pemantauan, iv) Penambahbaikan, v) Intervensi.

Infografik, Jadual dalam Lampiran 2.4.1 menunjukkan Pelan Pemantauan Strategik yang telah digerakkan oleh FSSR sepanjang tahun 2019 – 2020.

Segmentasi Fasa Strategi Pemantauan Inisiatif Strategik Bidang Tumpuan FSSR:

1. PERANCANGAN : Penetapan projek/ program/ inisiatif mengikut OS dan hala tuju strategik FSSR

[Sasaran penetapan setiap hujung tahun. Bengkel perancangan strategik di awal tahun]

[Mekanisme : PI & KPI tahunan. Project Timeline. Pengurusan Risiko. Analisis SWOT]

2. PELAKSANAAN : Tindakan gerak kerja serta strategi perjalanan program mengikut tetapan sasaran

[Gerak kerja melibatkan PTJ, pelanggan dan stakeholders terlibat mengikut rancangan dan project timeline]

[Mekanisme : Kolaborasi dengan jaringan/kumpulan sasaran. Pembahagian tugas efektif. Special Task Force]

3. PEMANTAUAN : Pelan dan tindakan pemantauan program dan projek inisiatif

[Pemantauan berperingkat serta pensejajaran mengikut KPI CSPI, PI FSSR, OS dan laporan hasil/outcome]

[Mekanisme : Analisa dan laporan status pencapaian setiap suku tahun. Mesyuarat tertinggi. Laporan aktiviti]

4. PENAMBAHBAIKAN : Proses penilaian dan penambahbaikan mengikut sasaran OS program

[Penilaian berterusan dibuat untuk mengenalpasti kekangan, keberkesanan serta impact factor inisiatif]

[Mekanisme : Laporan aktiviti. Analisa output dan outcome. Impact Factor measurement. Stakeholders feedback]

5. INTERVENSI : Strategi kali semula keberkesanan, pemulihan hasil gabungan dari

pelbagai pihak

[Strategi fasa pemulihan projek atau inisiatif dalam melihat semula keberkesanan atau permasalahan yang timbul]

[Mekanisme : Laporan analisa impak program. Post-mortem report. Maklumbalas pelanggan/stakeholder]

Bermula tahun 2020, setiap inisiatif serta projek yang digerakkan di bawah jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan akan dilaporkan dan dianalisis melalui Sistem Maklumat Analisa & Repositori 'SMART' UiTM yang dibangunkan khas bagi program-program terlibat di bawah ICAN. Sistem UePMO V3 juga digunakan melalui pihak BTU untuk memantau pencapaian KPI dan PI FSSR setiap bulan. Data pencapaian sasaran dikemaskini melalui laporan yang dibuat oleh setiap PTJ atau wakil projek. Pihak ICAN juga telah memastikan setiap projek yang didaftarkan di bawah bidang tumpuan mampu menghasilkan impak yang tinggi terhadap hubungan dua-hala pihak industri, komuniti serta masyarakat.

Pelan tindakan serta jadual aktiviti pemantauan projek adalah seperti di Lampiran 2.4.2A.

SENARAI BUKTI:

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko dan Pelan tindakan Pencegahan:

FSSR telah mengenal pasti beberapa faktor risiko yang cenderung dalam mempengaruhi pelaksanaan dan keberkesanan setiap program atau inisiatif strategik yang telah dirancang. Tiga fasa digerakkan dalam pengurusan risiko untuk mengurangkan halangan atau limitasi kepada pencapaian objektif strategik bidang tumpuan melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Tiga fasa tersebut adalah:

FASA 1 : ANALISIS SWOT

Dalam menjalankan aktiviti yang melibatkan jaringan alumni komuniti dan kesukarelawanan, tindakan penambahbaikan sesuatu aktiviti telah dapat meningkatkan reputasi serta imej UiTM. Sebagai contoh, LOAD atau Leaders of Artists and Designers yang merupakan satu jenama yang diguna pakai oleh semua program akademik di FSSR UiTM Shah Alam bagi pameran karya pelajar tahun akhir (Degree Show). Di bawah jenama LOAD, setiap program mempunyai tema masing-masing yang berbeza saban tahun, menunjukkan keunikan karya pelajar bagi semester tertentu. Pameran maya oleh Program Seni Halus dan Fashion Film secara maya oleh Program Seni Reka Fesyen yang termasuk di dalam LOAD ini telah dijalankan di atas talian dapat meluaskan jaringan dan boleh diakses oleh orang ramai.

Data alumni FSSR juga telah dikumpul dalam bentuk yang lebih dekat dengan setiap orang iaitu dengan mewujudkan whatsapp group, capaian media sosial seperti facebook page dan instagram. Dengan pendekatan ini, aktiviti jaringan alumni komuniti dan kesukarelawanan yang dijalankan dapat diwar-warkan dengan lebih meluas, cepat dan bersasar kepada pelanggan yang ditumpukan oleh FSSR.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 3.4.3.1_LOAD.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

(tidak melebihi 350 patah perkataan)

Nyatakan keberkesanan tindakan tersebut serta nyatakan jika ada inovasi terhasil dari usaha tersebut.

Integrasi dalam tumpuan pelanggan bermaksud penambahbaikan kepada kaedah baru dalam perancangan, pelaksanaan, keberhasilan dan pemantauan berterusan yang mana mencipta inovasi. Apa yang pasti senario dunia akibat pandemik adalah faktor utama perubahan proses dan pelaksanaan berpandukan AD.vantage –.Memanfaatkan legasi FSSR yakni jaringan alumni yang utuh. AD.vocate –Menggalakkan penglibatan pemegang taruh FSSR di dalam pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan persekitaran yang lestari. AD.miracle –Membudayakan penghayatan muhibah dan berbudi pekerti yang tinggi untuk kebaikan sejagat. Bagi pemantapan pelaksanaan, FSSR telah menambahbaik pelan strategik dari tahun sebelumnya (2019) dengan pemetaan Pelan Strategik UiTM 2020-2025 yang telah dilancarkan pada tahun 2020.

PEMANTAUAN DAN PENAMBAHBAIKAN PENGLIBATAN PELANGGAN

Untuk kelancaran dan keberkesanan sesuatu project perlukan di rancang dengan baik dan memastikan proses pemantauan yang berkesan agar ia nya berjalan dengan baik. Penglibatan Pelanggan dalam proses ini dapat meningkatkan kualiti, meminimumkan risiko dan menambahkan hasil maksimum.

tiga peranan berikut:

1. Input Akademik: Kearah penambahbaikan kepada kekuatan kurikulum sedia ada dan menerapkan idea / teknologi baru terkini yang berimpak tinggi di arena industri. Mutu dan kualiti sentiasa menjadi keutamaan dan selaras **RMKe-11 UiTM** dengan IR 4.0 Pendidikan dan SDGs.
2. Isu Semasa Kemasyarakatan : Kompetensi Graduan masa kini dan senario pasaran industri tempatan dan global berkait dengan bidang FSSR yang lebih menjana graduan yang bekerja sendiri (self-employed, freelancer, entrepreneur) seperti melalui Conference webinar dan Virtual Exhibition Showcase pelajar yang akan bergraduat GOT.
3. Jaringan Kebajikan ALUMNI kepada warga pelajar FSSR, Projek kemasyarakatan dan infaq sedekah: kepada pelajar Asnaf /bencana/kematian/ kecederaan, Projek Kesukarelawanan dan Keusahawanan PPE kepada Hospital dan 'frontliner',

Maka dengan kekuatan inilah, FSSR meletakkan bidang tumpuan Pelanggan bagi tahun 2020 melalui Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan.

Penglibatan FSSR bagi memartabatkan komuniti bersama masyarakat setempat dan antarabangsa tidak dapat direalisasikan dengan hanya perpindahan teknologi yang inovatif tetapi memerlukan usaha sama daripada pelbagai pihak. Ianya boleh dicapai melalui jalinan hubungan strategik serta penyertaan aktif dari para alumni, badan-badan NGO, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak industri menerusi perancangan strategik yang berlandaskan sebelum ini kepada pelan tindakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2017

dengan tema Redesigning Higher Education. Pelan tindakan KPT 2017 juga melibatkan usul pelaksanaan Gap Year di lapan (8) Universiti Awam (UA) bermula September 2017 dan UiTM merupakan salah sebuah UA yang disenaraikan. Gap Year merupakan petanda jelas untuk terus maju pada era globalisasi, tidak hanya kecemerlangan akademik menjadi ukuran, malahan dua (2) saranan transformasi minda turut disarankan sebagai keutamaan sepanjang pengajian mahasiswa.

Kepentingan Relatif Bidang Tumpuan Pelanggan Kepada Kejayaan FSSR melalui bahagian Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan bertujuan untuk memperkukuhkan perkongsian semasa dan sedia ada di antara Industri, Alumni dan Universiti di dalam bidang Akademia-Industri, Alumni dan juga Kebolehpasaran Graduan. Bahagian ini dibahagikan kepada empat (4) komponen utama iaitu bahagian Industri-Akademia, bahagian Alumni, bahagian Komuniti dan bahagian Keusahawanan. (Sila rujuk di capaian lawan web FSSR)

AD.vantage – antara contoh yang memanfaatkan legasi FSSR dengan jaringan alumni yang utuh, adalah dengan melibatkan kerjasama industri dan alumni dalam mengangkat mutu bakal graduan melalui LOAD -Leaders of Artists and Designers. Setiap Jabatan mempamerkan FYP kajian dan karya tahun akhir secara fizikal dan virtual. Website, FB dan Youtube menjadi pentas tumpuan pelanggan menghubungkan pelajar, pensyarah, industri, alumni, ibubapa dan masyarakat. Contoh yang berjaya menjadikan pandemik satu cabaran teknologi dan seni adalah melalui Jabatan Grafik – Nyala by Bold dan Gallant by Bold. Ianya menjadi yang pertama dipentaskan seratus peratus secara maya. Dokumentasi maya melalui Behance, Adobe Spark dan Google Meet, Facebook, Instagram serta Youtube di laksanakan dengan jaya dengan budget yang minimum.

AD.vocate – Menggalakkan penglibatan pemegang taruh FSSR di dalam pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan persekitaran yang lestari. Penglibatan komuniti dalam dan luar negara melalui pembelajaran, persidangan, mou, pameran secara fizikal dan virtual. Antara contoh mengangkat imej FSSR bersama UNTAR Universiti Taramunagara Jakarta

AD.miracle – kesukarelawanan dan membudayaan penghayatan muhibah dan berbudi pekerti yang tinggi untuk kebaikan sejagat adalah nilai berterusan di FSSR. Projek Kesukarelawanan dan Keusahawanan PPE kepada Hospital dan 'frontliner' antara yang paling menyerlah sepanjang pandemik yang tidak dijangka kali ini.

Dengan keadaan pasaran kerjaya yang terhad dan halangan situasi norma baru, langkah terbaik adalah menambah penglibatan kumpulan sasaran pelanggan dalaman FSSR dalam program keusahawanan UiTM

Contoh :

2020

List program keusahawanan UiTM :

ONLINE BUSINESS SPRINGBOARD (OBS)

PRODUCT IDEA INNOVATION SHOWCASE (PRIDE) YOUTUBEpreneuers

STUDENT START-UP ACCELERATOR PROGRAM (SAP)

PEMBANGUNAN USAHAWAN GRADUAN (GEDeP)

MASMED-UiTM SOCIAL ENTREPRENEURSHIP (MUSE)

PENERAPAN AMALAN DAN PEMBUDAYAAN INOVASI

Budaya Mesra Pelanggan di berikan keutamaan dalam merapatkan hubungan baik antara Fakulti dan Pemegang Taruh. Berbagai amalan dan inovasi baru yang diperkenalkan bagi menerapkan amalan baik ini antara nya

1. Cross Disiplin Research Pendekatan baru Penyelesaian Masalah /risiko /isu melalui Pemikiran Kreatif dan kerjasama dengan pihak berwajib, berintegriti, berkeperluan dan mempunyai sumber

1.1 Subjek FES601 – Apparel Production Management Yang telah disenaraikan didalam program SULAM THE KICKSTART pelajar semester Program PPE UiTM Jabatan Fesyen, Fakulti Seni Lukis Seni Reka

1.2 Program PPE UiTM Jabatan Fesyen, Fakulti Seni Lukis Seni Reka, UiTM Shah Alam dalam usaha dan inisiatif membantu penghasilan PPE - Disposable Hood Cap, Blouse, Shoes bagi para petugas barisan hadapan di hospital dalam menangani Wabak COVID-19. Program dalam penyediaan PPE

2. Mengerakkan inisiatif baru @ inovasi sistem data dan capaian telus 'flow' pengurusan dalam memudahkan tugas melalui skills dan kepakaran secara atas talian pengurusan dan akademik serta sumber.

3. Perundingan melalui komunikasi telus kepada setiap jabatan dan agihan kewangan mengikut keperluan pelajar @projek yang berimpak .

4. Mengaplikasi kaedah mudah karya seni tulis dan seni reka pelajar dan pensyarah kearah pendaftaran harta intelek seperti Copyright/trademark /pattern secara bersasar dan menjalin kerjasama dengan industri dan agensi seperti MRM /Standard Malaysia/Sirim.

5. Menambah sistem keselamatan dan 'manpower' sokongan daripada pengurusan FSSR dan Alumni serta kerjasama industri dan komuniti yang lebih tinggi secara berfokus dan strategik dalam dan luar negara.

6. Aktif dalam mobiliti pelajar dan staf antarabangsa /asean serta 'transfer knowledge n skills'/ exchange/collaboration program'

7. Mengoptimasi sumber dan meningkatkan rangkaian kerjasama fakulti dengan alumni dan komuniti (hospital) untuk saling menguntungkan. Mengambil contoh momentum ideal kerana MCO pandemik untuk pengurusan pelanggan dan sumber. Pengkalan Data Digital IOT 'paperless. Sebelum ini semua data pelanggan ,laporan program aktiviti pelajar, disubmit secara hard-copy, memudahkan untuk di rujuk. FSSR pasti boleh memungkinkan upaya untuk memaksimumkan kreativiti ,inovasi melalui integrasi teknologi atas talian untuk pelaporan aktiviti secara digital .

8. Mencadangkan pengrealisasi Pusat Kajian @ galeri seni warisan tamadun melayu islam /nusantara @ARCHIPELAGO dan meletakkan FSSR sebagai pusat rujukan seni warisan nusantara

Beberapa contoh program berterusan dalam penglibatan penambahbaikan Tumpuan Pelanggan adalah memastikan penglibatan Pelanggan secara menyeluruh dan ganjaran seta keperluan pelanggan meningkat antaranya

- kajian di bawah GERAN DALAMAN TEJA tentang keberkesanan & kepuasan pelanggan dan pengunjung terhadap pameran maya seni & reka bentuk dari segi aspek: TEKNOLOGI ESTETIKA INDIVIDU KEPUASAN PENGUNJUNG

- menampakkan penglibatan aktif tumpuan pelanggan di peringkat antarabangsa

contohnya :Asia International Community of Art & Design (AICAD) proudly presents AICAD 4th EDITION of INTERNATIONAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION, AND DESIGN COMPETITION 2021 (AICAD IID VIRTUAL 2021). Under the theme of "UNLIMITED CREATIVITY TOWARDS THE NEW PARADIGM", we are calling all bright and creative minds of the Art & Design Community throughout the world to compete in this prestigious international event

- Jemputan menyertai perkongsian webinar, Alumni Sharing : Let's Be Confident Persatuan DEGRAPH, Jabatan Grafik dan Media Digital UiTM Cawangan mengadakan perkongsian ilmiah
- Menyiapsiapa pelanggan Showcase untuk pasaran kerjaya melalui Virtual Gallant By Bold, Final Year Students of Degree in Graphic Design, Faculty of Art and Design, UiTM Puncak Alam, Selangor Gallant by BOLD Virtual Online Exhibition Show
- Venue : Youtube Live <https://www.youtube.com/watch?v=y4dwGMr8tvQ>

Follow us for more info:

<https://www.instagram.com/gallantbybold/>

<https://www.boldexhibition.com/>

Di harap Integrasi dalam tumpuan pelanggan di FSSR ini dapat menambah baik kepada kaedah baru dalam perancangan, pelaksanaan, keberhasilan dan pemantauan berterusan yang mana mencipta inovasi. Apa yang pasti senario dunia akibat pandemik adalah faktor utama perubahan proses dan pelaksanaan berpandu kan penambahbaik pelan strategik dari tahun sebelumnya (2019) dengan pemetaan Pelan Strategik UiTM 2020-2025 yang telah dilancarkan pada tahun 2020 secara bersepadu dan hybrid

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan untuk bidang tumpuan Jaringan Alumni, komuniti dan sukarelawan diukur dan dianalisa dari capaian kepelbagaian bidang-bidang di FSSR. Ianya merujuk kepada pemetaan di antara Objektif Kualiti 2020 – 2025 FSSR dengan tiga kluster Projek FSSR yang dibentangkan pada tahun 2020 iaitu i) *AD.mirable*, ii) *AD.vocate*, dan iii) *AD.vantage*. Sasaran pencapaian jangka masa pendek dan panjang bagi pengukuran ini dapat dilihat melalui halatuju pencapaian *Key Performance Index* (KPI) dan *Performance Indicator* (PI) untuk setiap bahagian yang merangkumi kapasiti denominator, pelajar, fleksibiliti dan adaptabiliti kurikulum, serta hubungan dua hala dengan komuniti, alumni serta kumpulan sasaran.

Pelaksanaan pengukuran projek-projek khas *Center for Strategic Planning and Information* (CSPI) pada tahun 2019 di bawah tiga kluster FSSR telah dikategorikan mengikut sasaran Objektif Kualiti FSSR (2020-2025) seperti berikut:

1. Pengukuran Kebolehpasaran (objektif kualiti ke-5) di bawah kluster *AD.vantage*

(Alumni) : Melibatkan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan terhadap projek dan inisiatif bersama **alumni**. Objektif sasarannya adalah untuk memanfaatkan legasi dan *visibility* FSSR dengan jaringan alumni yang kukuh.

2. Pengukuran Enrolmen (objektif kualiti pertama) di bawah kluster *AD.vocate* (Komuniti)

: Melibatkan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan yang diwujudkan khas bagi tumpuan terhadap kelompok **komuniti**. Objektif utamanya adalah untuk menggalakkan penglibatan pemegang taruh (*stakeholder*) FSSR di dalam pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan persekitaran yang lestari.

3. Pengukuran Penyelidikan dan Penerbitan (objektif kualiti ke-6) di bawah kluster *AD.mirable* (Kesukarelawan)

: Melibatkan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dalam pelaksanaan program-program sukarelawan. Objektif sasarannya adalah untuk menjadi pendukung dalam membudayakan penghayatan muhibbah, kemanusiaan, modal insan holistik serta budi pekerti yang tinggi untuk kebaikan sejagat.

Penentuan kaedah pengukuran, penganalisan data dan frekuensi data-data perolehan di atas adalah melibatkan kepelbagaian kaedah ukuran beserta item-item ukuran yang merujuk kepada keperluan sesuatu bidang program yang dilancarkan. Pengukuran item-item dari setiap kaedah pengukuran ini telah diperincikan dan merupakan '*benchmark*' kepada menentukan peratusan keberhasilan bagi sesuatu bentuk program dalam bidang tumpuan FSSR. Kepelbagaian bentuk ukuran dan item-item yang digunakan adalah untuk memastikan pemantauan serta laporan dapat dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan objektif kualiti asas pencapaian FSSR kearah pemantapan dan penambahbaikan modal insan secara *holistic* tercapai. Secara tidak langsung, ianya juga bagi memastikan penglibatan *stakeholder* FSSR yang banyak memberi implikasi kepada pembangunan Fakulti (*external factor*) dapat diteruskan.

Hasil penganalisan data dari pengukuran yang diperolehi ini, membekalkan solusi berpotensi yang dapat digunakan untuk mendekati komuniti alumni dan mempertahankan keperluan semua pihak terlibat dan seterusnya membantu peningkatan keberkesanan sistem pengurusan pengetahuan secara berterusan. Peratusan keberhasilan daripada pencapaian pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan ini telah diselaraskan dengan lebih terperinci dengan merujuk sistem pengukuran **ADLI** iaitu pengukuran *Approach, Deployment, Learning* dan *Integration* di bahagian sub-sub topik seterusnya.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelan pemantauan yang berterusan untuk produk akhir tersebut dilakukan dalam bentuk mekanisme berperingkat. Prosedur pengukuran telah ditetapkan di dalam **Manual Kualiti FSSR, UiTM (MK. UiTM. FSSR.01)** yang menggariskan prosedur dasar kualiti audit dalaman FSSR sebagai kaedah prosedur yang dirujuk. Ianya melibatkan prosedur pengukuran dan pengumpulan data-data yang telah dianalisa dari semasa ke semasa mengikut kekerapan program yang dianjurkan oleh pihak FSSR. Susulan dengan ini, sasaran negara dan pihak berkepentingan seperti badan profesional juga, secara tidak langsung adalah penyumbang kepada keberhasilan bidang tumpuan pilihan di FSSR.

Pengukuran produk akhir bidang pilihan adalah merujuk kepada ukuran seperti di bawah:

4.2.1 Pengukuran Kebolehpasaran di bawah kluster AD.vantage (Alumni) melibatkan ukuran daripada :

4.2.1.1 Ukuran SWOT

Analisa SWOT digunapakai bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan projek yang dijalankan mengikut pencapaian setiap projek utama 3AD dalam bidang tumpuan. Penyediaan analisa SWOT di setiap awal dan hujung tahun adalah bagi memastikan FSSR sentiasa menjalankan program-program yang relevan dan memanfaatkan warganya, alumni, industri dan masyarakat.

4.2.1.2 Ukuran AD.aprive

Pengukuran AD.aprive melibatkan item-item ukuran yang menerapkan lima (5) strategi inovasi penambahbaikan dan diaplikasikan dalam projek-projek FSSR supaya segala projek dapat dijalankan dalam *framework* yang ditetapkan.

4.2.2 Pengukuran Enrolmen di bawah kluster AD.vocate (Komuniti) melibatkan ukuran daripada :

4.2.2.1 Ukuran AMBP

Hebahan kepada penggunaan borang Aduan Maklum Balas Pelanggan (AMBP) pada semua warga FSSR untuk digunapakai oleh staf dan pelajar. AMBP ini akan dibentangkan melalui Mesyuarat MKSP yang diadakan setiap satu (1) kali setahun oleh Ketua Unit Kualiti (KUK) FSSR bagi mengukur dan memantau persepsi pelanggan terhadap prestasi pengurusan FSSR secara menyeluruh.

4.2.2.2 Ukuran 5R1I

Model Framework 5R1I telah digunapakai sebagai panduan atau kaedah penilaian awal sebelum setiap projek dilaksanakan. Setiap program/projek/inisiatif yang akan dijalankan perlu membuat penilaian impact factor terlebih dahulu.

4.2.3 Pengukuran Penyelidikan dan Penerbitan di bawah kluster AD.miracle (Kesukarelawan) melibatkan ukuran daripada :

4.2.3.1 Ukuran dari item SDG

Memantapkan aspek pengajaran, pembelajaran dan kurikulum mengikut kerangka SDG

4.2.3.2 Ukuran SMART 2020

Pengukuran melalui Sistem Maklumat Analisa & Repositori 'SMART' 2020 adalah untuk pemantapan dan penambahbaikan ke arah modal insan secara holistik.

Pemetaan jenis ukuran dengan kluster bidang tumpuan yang diukur dapat dilihat di Jadual Jenis Pengukuran yang disertakan di lampiran. Perincian item-item yang diukur mengikut jenis ukuran juga boleh dirujuk di lampiran.

SENARAI BUKTI:

1. [SWOT FSSR.pdf](#)
2. [AMB.Pdf](#)
3. [5R1I.pdf](#)
4. [Jadual Jenis Pengukuran.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Merujuk kembali kepada tiga ketetapan kluster FSSR yang setiap satunya adalah meliputi perkara-perkara berkaitan kepimpinan (Leadership) di Perkara-1, perancangan strategik (Strategic planning) di Perkara-2 dan tumpuan pelanggan (customers focus) di Perkara-3. Setiap perkara-perkara ini merupakan tulang belakang kepada produk akhir bidang pilihan FSSR bagi menggalakkan penyertaan pelajar dan pensyarah dalam sesuatu aktiviti program dari peringkat awal sehingga ke peringkat akhirnya. Produk akhir adalah seperti latihan industri, sukarelawan, aktiviti sukarelawan, laporan latihan praktik atau industri, laporan aktiviti bersama industri, laporan aktiviti kemasyarakatan, MoU/MoA, tajaan, 'endowment', dan juga melibatkan produk sampingan langsung seperti jalinan dan hubungan baik dan kerjasama antara FSSR dengan pihak industri, masyarakat dan alumni.

FSSR menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai untuk mengukur proses-proses bidang tumpuan. Kaedah yang digunakan adalah berupaya untuk mencapai hasil yang dirancang. Walaubagaimanapun, apabila hasil yang dirancang tidak tercapai, tindakan pembetulan dan pencegahan yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan produk akhir memenuhi keperluan yang ditetapkan. Pemantauan semula akan dijalankan setelah tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan.

Instrumen-instrumen ukuran seperti temu buat dan soal selidik (AMBP), pemerhatian berasaskan senarai semak (SWOT, AD.aptive, 5R1I) dan pembentangan terhadap penyelidikan lanjutan (SDG, SMART 2020) memandu ke arah proses penganalisaan data. Dapatan data-data yang diperolehi ini dapat memberi fokus kepada mengenalpasti skop, risiko dan mengenalpasti keperluan-keperluan sesuatu aktiviti / program / projek bidang tumpuan terhadap FSSR dan 'stakeholders'. Ringkasan bit-bit data di akhir pembentangan sesuatu projek / program / aktiviti yang dibentangkan digunakan untuk penambahbaikan dalam pendekatan pengurusan pengetahuan terhadap bidang tumpuan berikut:

1. Alumni : Bilangan Alumni Menjadi Usahawan
2. Alumni : Bilangan Perkhidmatan Kepakaran Alumni
3. Alumni : Chapter Yang Berdaftar Dengan ROS
4. Alumni : Graduan Berpendapatan Tinggi Yang Dikesan
5. Industri : Anchor Industry / Industry Partner
6. Industri : Industry-Driven Programme
7. Industri : MOU / MOA / LOI Bersama Industri
8. Industri : Perkongsian Kepakaran
9. Industri : Sangkutan Industri
10. Industri : Sumbangan Komuniti

Seterusnya adalah kerangka 'deployment' yang dilampirkan bagi menghuraikan secara keseluruhan aliran penganalisaan data yang dijalankan. Laporan penganalisaan ukuran ini memberi tumpuan terhadap apa yang sebenarnya berlaku dalam sesuatu program, mengapa ia terjadi dan kesan / risiko daripada program bagi membuat keputusan terhadap program-program di masa hadapan.

SENARAI BUKTI :

1. [Kerangka Perluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dinamika sistem pendidikan berteraskan pembelajaran secara maya telah menukar landskap pendidikan di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, khususnya yang memerlukan praktikal tutorial secara langsung. Proses pemantauan secara online telah dilakukan pada setiap semester, walau bagaimanapun pada 2020, 'ProPens' tidak dapat dijalankan kerana permasalahan pandemic - Covid 19 yang melanda dunia, sedikit sebanyak mengganggu sistem yang sedia ada. Walau bagaimanapun, pihak fakulti telah mencari kaedah analisis dapatan dengan menggunakan data CDL-CQi / Entrance dan Exit survey serta Sufo sebagai pengukuran.

Usaha FSSR untuk menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran di norma baharu, pada tahun 2021 pemantauan ProPens kembali dengan kaedah yang lebih efisien dimana pemantauan secara online telah dilaksanakan pada dan semuanya dapatan dianalisis untuk tindakan dan penambahbaikan.

Melihat kesan ketidaksediaan pelajar dengan ODL akibat penularan pandemik Covid-19 ini juga, pelajar yang tinggal di luar bandar yang terkesan dengan keterbatasan akses internet menjadi tumpuan utama fakulti. FSSR memastikan semua pelajar berada dalam keadaan baik dimana pemantauan dilakukan secara mingguan bagi setiap kursus subjek. Pensyarah akan melaporkan pada PTJ jabatan masing-masing permasalahan yang dihadapi pelajar dan laporan ini dibentangkan setiap minggu kepada TD Akademik untuk diambil tindakan. Dengan kaedah ini tidak ada seorang pun pelajar FSSR yang tercicir dan diabaikan dikala musibah Covid-19.

Akademia FSSR dengan inisiatif sendiri juga menjalankan survey secara online untuk mengenal pasti permasalahan dan kelemahan yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Pelbagai pautan digunakan di antaranya ialah dengan aplikasi U-Future, Google Sites, Google Form, Google Classroom, online survey dan beberapa kaedah lagi. Secara ringkasnya, hasil dapatan dari pemantauan yang dilakukan keseluruhan pensyarah telah membuat persediaan pembelajaran dan pengajaran dengan teratur dan mengikut ketetapan skema mingguan kursus. Pengendalian kelas syarahan juga berjalan dengan baik, menggunakan kaedah pengajaran yang terkini dan dalam suasana yang selesa dan harmoni. Pemantauan berlangsung selama lebih kurang 30 min di dalam bilik kuliah yang ditetapkan didalam jadual waktu. Dari dapatan ini, FSSR dapat memberikan input untuk "resource person" dan juga data akan digunakan untuk semakan kurikulum yang akan datang, Ini penting kerana ianya dapat mendorong pensyarah untuk lebih berdaya saing di dalam inovasi pembelajaran dan evolusi pendidikan berteraskan era digitalisasi.

SENARAI BUKTI:

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Keperluan asas pembelajaran amat dititikberatkan, bagi para pelajar yang memerlukan akses untuk menggunakan makmal, lab dan studio. Satu jawatankuasa unit risiko khas fakulti telah ditubuhkan di mana ianya bertindak untuk mengenal pasti pelan struktur SOP berkaitan pematuhan merit Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

Analisa diperhalusi dan proses mengenal pasti mengikut kesesuaian SOP dibangunkan perlu mendapat kelulusan dari PTJ FSSR sebelum dilaksanakan. Untuk kampus FSSR Shah Alam dan Puncak Alam, pelaksanaan berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan UiTM 2020 dan pemantauan dari unit COSHaW UCS memastikan aturan keselarasan pematuhan ditepati mengikut ketetapan.

Pengurusan Risiko FSSR juga telah merangka dan melaksanakan langkah pelan untuk membantu para pelajar yang terkesan dikala penularan pandemik wabak Covid 19 ini. Analisa dapatan yang diperolehi dari hasil MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIVERSITI (JiPKKPU)

1. Sepanjang tempoh Lockdown tiada pergerakan pelajar dibenarkan, kecuali yang melibatkan kes khas.
2. Menetapkan tarikh terakhir untuk mengambil barangan peribadi serta fail-fail untuk dibawa pulang. Bermula 1 Jun 2021 hanya staf yang memiliki surat kebenaran serta jadual bertugas sahaja dibenarkan masuk ke dalam kampus.
3. Pelajar yang berada di dalam kampus diberi pilihan sekiranya ingin balik tidak boleh masuk semula ke dalam kampus.
4. Tidak ada bantuan makanan diberikan melainkan kepada pelajar yang disenaraikan untuk layak mendapat zakat

Selain daripada itu, dengan melalui pautan interaksi bersama PTJ, informasi kecemasan yang berkaitan pandemik berlaku dengan pantas, di antaranya yang melibatkan

pergerakan ketika berada di kampus terutamanya di kawasan kolej, kerana terdapat sebaran kes yang masih dalam saringan. Terdapat beberapa kes positif yang didapati ingkar arahan dan turun ke pejabat semasa tempoh kuarantin.

Untuk pengurusan yang lebih cekap secara menyeluruh mengenai maklumat ACT, taklimat berkenaan Taklimat eRES RISIKO telah berlangsung secara maya untuk mudah di akses untuk semua warga FSSR

SENARAI BUKTI :

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti amat menitikberatkan keselesaan pelajar dan warga FSSR di dalam proses pemudahcaraan pembelajaran yang melibatkan keperluan asas material dan kebolehan capaian. Proses pengurusan penambahbaikan yang sistematik yang mesra telah dibangunkan, di mana kelestarian yang berkaitan inventori digital.

Walau bagaimana pun ianya masih di peringkat ujian rintis yang melibatkan salah satu Jabatan di FSSR. Projek ini dibangunkan di dalam unit KIK Fakulti membantu untuk pemudahcaraan di dalam proses inventori yang melibatkan tempahan studio dan makmal percetakan serta bilik gelap dan juga pinjaman peralatan kepada pelajar dan warga FSSR. Sistem ini merupakan aplikasi perisian “apps” dan boleh dimuat turun didalam telefon pintar dimana ianya disokong oleh ios dan android. Dengan adanya pautan ini, ianya memudahkan warga FSSR khususnya pelajar berkaitan kelestarian inventori pembelajaran yang lebih sistematik.

SENARAI BUKTI :

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk memastikan hala tuju masih di landasan tepat di kala keterbatasan pergerakan akibat musibah covid-19 ini selaras dengan visi dan misi UiTM, FSSR agresif didalam dan diluar negara dengan penganjuran dan penglibatan berbentuk akademik yang mendokong kekuatan FSSR seperti pameran seni yang melibatkan MOU Universiti luar, penglibatan alumni FSSR di dalam Konferensi, Webinar, "Talk" , sesi perkongsian dan penglibatan industri dan pelbagai aktiviti berbentuk ilmiah semua ini dilakukan secara maya.

Selain daripada itu, setiap jabatan juga terpanggil untuk melakukan transformasi digital untuk pembudayaan pameran "Degree Show" secara virtual. Malahan hasil maklum balas yang diterima lebih baik dan sebaran maklumat lebih secara menyeluruh tanpa ada batasan (worldwide). Penglibatan dari antarabangsa menjadi penanda aras budaya pameran secara virtual ini selain daripada penjimatan kos. Menjadi satu budaya apabila setiap semester fakulti akan menerbitkan hasil karya pelajar tahun akhir yang dinamakan "LOAD". Dikala keterbatasan BDR akibat penularan Covid-19, ianya tidak menjadi penghalang untuk menghasilkan terbitan ini. Proses pendigitalisasi berlaku dengan proses pengumpulan karya pelajar akhir "LOAD" dilakukan secara maya.

Untuk penambahbaikan inovasi yang berterusan, FSSR juga telah menetapkan tanda aras khususnya kepada Unit KIK fakulti di keterlibatan penyertaan di dalam "Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif "Idea Unggul" setiap tahun selain menggalakkan penglibatan ahli akademik di dalam penyertaan pertandingan Inovasi yang dianjurkan dari dalaman dan pihak luar UiTM

Untuk lebih efisein, setiap jabatan di FSSR adalah digalakkan untuk menyenaraikan permasalahan melalui PTJ masing-masing. Proses ini bawah Jawatankuasa Unit Kualiti (AMBP) – aduan maklum balas pelanggan. Pelajar dan warga disediakan pautan khusus (e-Aduan) dimana sebarang permasalahan dalam bentuk bertulis direkodkan. e-Aduan adalah platform yang membolehkan warga fakulti FSSR pelajar dan staf, serta pelanggan untuk memfailkan laporan / aduan mereka. Laporan ini boleh menjadi keluhan atau cadangan atau maklum balas dan keutamaan identiti pengadu akan dirahsiakan. Laporan kecil akan diselesaikan mengikut pegawai "PTJ" manakala bagi kes yang berat atau diklasifikasikan sebagai kes besar yang melibatkan fail merah atau peribadi, ianya akan dibawa ke peringkat tertinggi pengurusan. Setiap laporan yang diterima akan dihantar terus untuk proses yang melibatkan tahap kewibawaan penganalisisan. Proses disemak oleh ketua bahagian yang terdiri dari Dekan dan Timbalan Pendaftar, dan perkara ini akan dibawa ke penilaian mesyuarat unit Kualiti FSSR untuk saring dan mengenal pasti permasalahan dan tindakan yang akan diambil untuk tujuan penambahbaikan oleh Unit perancangan strategik fakulti dan pengurusan FSSR.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Serata organisasi sumber manusia adalah tunjang utama dalam sesebuah pembentukan sosial yang merangkumi semua individu atau pekerja yang terlibat dalam sesebuah organisasi tersebut. Sumber manusia berfungsi dalam organisasi yang berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan orang seperti pampasan dan faedah, merekrut dan mengupah pekerja, pengurusan prestasi, latihan, dan pembangunan organisasi dan budaya. Bidang tumpuan bagi sistem pengurusan sumber manusia dan sumber manusia adalah Pusat Jaringan Alumni, Komuniti & Sukarelawan yang terbahagi kepada 3 kluster tumpuan iaitu AD.vantage (Alumni), AD.vocate (Komuniti), AD.miracle (Kesukarelawan).

Sumber Manusia

Sumber manusia bagi FSSR adalah merangkumi semua warga FSSR terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran, pihak pengurusan dan pentadbir akademik. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan bakat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman staf digunakan secara maksimum. Justeru itu, FSSR sentiasa menggalakkan warganya melibatkan diri secara menyeluruh dalam aktiviti yang diadakan di fakulti. Kebanyakan program yang dijalankan di FSSR turut melibatkan sumber manusia dari Alumni, Komuniti dan Sukarelawan.

Pengurusan sumber manusia

FSSR turut menerapkan sistem pengurusan sumber manusia yang komprehensif dan bersepadu bagi sistem kerja yang efektif. Hal ini turut melibatkan usaha-usaha pemilihan, pengambilan, pengekalan, pemberhentian, pembangunan dan penggunaan sumber manusia. Pengurusan sumber manusia juga adalah proses yang melibatkan tenaga manusia dan melibatkan proses perancangan organisasi, mendapatkan pekerja dan membangunkan kumpulan.

Pemantauan & Penambahbaikan

Bagi memastikan prakarsa strategik fakulti tercapai setiap tahun mengikut perancangan organisasi atau KPI yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, pihak fakulti sentiasa menganalisa maklumbalas warga FSSR di pautan yang telah disediakan dan tahap kepuasan warga FSSR untuk penambahbaikan terhadap fakulti. Disamping itu, setiap tahun pihak fakulti memberi anugerah pencapaian kepada warga FSSR

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

1. Pembangunan organisasi

Dalam usaha menjayakan visi, misi, objektif strategik serta pelan-pelan tindakan UiTM amnya dan FSSR khususnya, penglibatan menyeluruh warga FSSR amatlah dititikberatkan oleh pihak pengurusan FSSR. FSSR mengamalkan pengagihan kerja mengikut fungsi dan unit bagi menguruskan sumber manusia berpandukan kepada keupayaan dan kapasiti keseluruhan tenaga kerja mengikut keperluan semasa seiring dengan perancangan aktiviti pelajar dan program-program kluster iaitu ADmirable, ADvocate dan ADvantage. FSSR sentiasa memastikan semua staf mempunyai peluang pembangunan diri yang mantap dan berkesan melalui latihan yang komprehensif dan berdaya saing.

2. Penglibatan Sumber Manusia

Sumber manusia di FSSR terdiri daripada dua iaitu Staf Akademik dan Staf Sokongan. Staf sokongan terdiri daripada staf-staf Pentadbiran dan Staf Teknikal di FSSR. Bagi staf akademik kompetensi tertakluk kepada dasar latihan UiTM. Jawatankuasa yang menggabungkan staf akademik dan pentadbiran ini adalah untuk menguatkan lagi hubungan kerjasama harmoni dalam melalui budaya kerja kreatif dan berinovasi. Pemberian insentif seperti kenaikan pangkat dan sokongan moral (surat penghargaan) dapat memberi galakan perkhidmatan yang berkualiti. Sumber kerja atau modal insan diberi penumpuan sepenuhnya oleh pihak pengurusan FSSR terutamanya dalam hal-hal berkaitan pihak berkepentingan. Bidang tumpuan pilihan yang dipilih adalah jaringan Alumni Komuniti dan Kesukarelawanan yang berada di bawah ICAN di FSSR. Bagi memastikan kejayaan dan pencapaian sasaran dalam bidang tumpuan pilihan FSSR telah menguruskan sumber manusia yang cekap dan berkesan melalui penyediaan program-program dan penglibatan aktiviti secara berterusan.

Satu program ADvocate dan ADmirable iaitu Program Biodiversity & Sustainable Tourism, di Langkawi yang melakukan kajian daripada aspek seni reka menggabungkan tiga disiplin yang berbeza iaitu sains, sains sosial dan seni reka. Kajian dan penyelidikan ini adalah Projek kolaborasi bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Queensland University of Technology (QUT) Australia bersempena projek Biodiversity di Langkawi yang merangkumi projek berasaskan SDG dan alami (nature biodiversity) di sekitar Pulau Langkawi serta Batu Kapur di Kedah. Projek ini merupakan inisiatif kerjasama dari Colombo Plan yang diusahakan oleh UPM. Aktiviti Co-Creation Workshop juga telah dijalankan bersama 12 buah sekolah terpilih daerah Alor Setar Kedah bagi usaha Knowledge-Sharing bersama skop komuniti pelajar di sana di bawah sokongan Pejabat Daerah Negeri Kedah. Dua aktiviti beach-clean up juga telah dijalankan di Penarak Island dan Pantai Cenang. Para pensyarah yang terlibat sebagai penasihat dan perunding untuk kerjasama ini.

Selain itu aktiviti LOAD 2019 dan LOAD 2020 yang melibatkan pelajar sebagai sebahagian sumber manusia dan staf sebagai AJK yang dilantik berdasarkan program akademik. Contohnya AJK untuk load yang terdiri dari lantikan dalaman jabatan masing-masing. LOAD atau Leaders of Artists and Designers merupakan satu jenama yang digunapakai oleh semua program akademik di FSSR UiTM Shah Alam bagi pameran karya pelajar tahun akhir (Degree Show). Di bawah jenama LOAD, setiap program mempunyai tema masing-masing yang berbeza saban tahun. Ia menunjukkan keunikan karya pelajar bagi semester tertentu dikongsi bersama audien.

Selain daripada itu, satu projek yang dikendalikan Pejabat Timbalan Dekan iaitu projek Mural Merdeka 2020 adalah merupakan satu projek kluster yang berteraskan University Social Responsibility (USR) di antara Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR) yang melibatkan para pensyarah dan alumni FSSR dan Timbalan Speaker Yang Di-Pertua Dewan Rakyat Merangkap Ahli Parlimen P.157 Pengerang, YB Dato Sri Azalina Othman Said seterusnya sebagai perasmi. Projek penghasilan mural bersaiz 100 kaki Panjang x 10 kaki tinggi ini telah diadakan pada 16hb sehingga 18hb September 2020 di Bandar Penawar, Pengerang, Johor. Turut sama terlibat di dalam projek ini adalah Setiausaha dan Pegawai-pegawai Khas Parlimen Pengerang, UMNO Bahagian Pengerang, MAYC Johor, Belia Pengerang, Guru dan pelajar Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi Johor, Syarikat Air Johor, Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Penawar, PDRM dan juga RELA. Seajar dengan penglibatan semua pihak sumber kerja FSSR dalam menjayakan program kerjasama ini

Implikasinya, kemahiran dan bakat sumber kerja tersebut dapat menyumbang kepada pembangunan dan ketampakkan FSSR ke peringkat Global. FSSR sekaligus telah berjaya mengoptimumkan penggunaan tenaga kerjanya dengan memastikan sasaran petunjuk mereka tercapai.

SENARAI BUKTI:

1. [Biodiversity & Sustainable Tourism. Langkawi.pdf](#)
2. [LOAD19.pdf](#)
3. [PROJEK MURAL MERDEKA.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Untuk menjayakan aktiviti pembangunan pelajar, pihak pengurusan turut melibatkan sumber manusia untuk menyusun struktur pengurusan Hal Ehwal Pelajar sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang dikhususkan; terdiri daripada Timbalan Dekan HEP, Koordinator Pembangunan Pelajar, Koordinator Program, Penolong Pendaftar Kanan, Pegawai Eksekutif, Kerani Kanan dan Pensyarah yang terlibat. Kepakaran mereka juga mengoptimalkan dalam menjayakan program.

Disamping itu, bidang tumpuan yang dipilih 2019 dan 2020 adalah pengurusan Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN) turut menjayakan aktiviti penglibatan semua staf FSSR, Industri, Komuniti dan Alumni. Organisasi tersebut terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran, pihak pengurusan dan pentadbir akademik. Sehubungan itu, pengurusan Jaringan ICAN adalah keutamaan bagi melaksanakan aktiviti melibatkan komuniti, Industri dan Alumni yang mendapat sokongan dari pengurusan HEP, HEA, dan Korporat. Jadual 5.1 menunjukkan penglibatan dan pengoptimuman kepakaran sumber manusia dalam pelbagai prakarsa yang dirancang.

Jadual 5.1 menunjukkan penglibatan sumber manusia di setiap 3 kluster tumpuan iaitu AD.vantage (Alumni), AD.vocate (Komuniti), AD.miracle (Kesukarelawan) yang telah dibahagikan mengikut jadual yang disertakan.

SENARAI BUKTI :

1. [JADUAL 5.1.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan kerja adalah kehendak setiap individu yang bekerja. Apabila ada kehendak ia akan mendorong kepada sifat bertanggungjawab dan penglibatan optima pensyarah ke arah mencapai matlamat kerjaya. Pihak FSSR sentiasa mengamalkan dan menerapkan budaya komunikasi terbuka dengan melibatkan staf akademik dan pentadbiran. Medium emel dan WhatsApp merupakan medium komunikasi yang paling berkesan untuk menghubungkan semua warga kerja FSSR.

Pihak pengurusan akan memastikan segala bentuk tindakan dan keperluan kepada staf adalah adil dan saksama. Ada beberapa faktor utama yang memberi kesan terhadap kepuasan hati dan kegembiraan seperti emosi yang positif, keterlibatan, hubungan, pencapaian dan insfrakstruktur. Tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia di FSSR boleh dilihat dari UiTM Happiness Index (UHI). Keseluruhannya hasil dari proses pengurusan FSSR telah melaksanakan penambahbaikan dari aspek pembangunan staf antaranya ruang kerja yang kondusif untuk memastikan tahap kepuasan hati di kalangan tenaga kerja berjalan dengan baik. Pada waktu pandemik, FSSR mengaplikasikan sistem kerja yang digariskan JPA iaitu sistem kad perakam waktu kepada sistem online HR2U untuk BDR dan BRP. Fakulti juga menyediakan penggunaan borang Aduan Maklum Balas Pelanggan (AMBP) FSSR untuk digunapakai oleh staf dan pelajar. QR code FSSR juga dipaparkan di website FSSR untuk sebarang aduan.

Terdapat juga keluhan tenaga kerja dalam mencapai produktiviti yang tinggi tetapi telah direalisasikan mengikut tindakan penyelesaian. Bagi memastikan kualiti staf akademik setiap semester sentiasa di tahap yang baik dan memuaskan, PROPENS telah dilaksanakan di setiap semester. Permasalahan mengenai ruang kuliah, parking dapat diselesaikan dengan penyelenggaraan bilik kuliah yang lebih teratur dan prasarana yang mencukupi, persekitaran yang telah ditambahbaik, dan kaedah pengajaran blended learning dan MOOC digunakan. Sebagai contoh FSSR telah mengambil inisiatif dalam membantu negara iaitu Projek Khas Penghasilan Personal Protective Equipment (PPE)" . Program PPE UiTM Jabatan Fesyen, Fakulti Seni Lukis Seni Reka, UiTM Shah Alam dalam usaha dan inisiatif membantu penghasilan PPE - Disposable Hood Cap, Blouse, Shoes bagi para frontliners di hospital dalam menangani Wabak COVID-19. Persekitaran ruang kerja yang baik dan penambahbaikan kelengkapan dapat membantu menjayakan program ini dalam penyediaan PPE bersama Alumni Fesyen FSSR UiTM, komuniti yang bekerjasama seterusnya memberi bantuan di hospital-hospital di Malaysia.

SENARAI BUKTI:

1. [QR CODE.pdf](#)
2. [Projek Khas Penghasilan Personal Protective Equipment \(PPE\).pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FSSR sentiasa memberi perhatian kepada penglibatan tenaga kerja dalam 3 kluster tumpuan iaitu AD.vantage (Alumni), AD.vocate (Komuniti), AD.miracle (Kesukarelawan) yang berbentuk akademik mahupun bukan akademik. Pengurusan risiko dan implikasinya terhadap kemampuan melaksanakan fungsi dan objektif fakulti menjadi isu utama yang diberi penekanan. Pengurusan risiko tidak terhad kepada penyelarasan aktiviti bagi mengurangkan berlaku kerugian semata-mata, malah melibatkan aktiviti penyelarasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu aktiviti. Risiko utama yang boleh menjejaskan pencapaian objektif strategik yang dirancang adalah kegagalan pelaksanaan aktiviti kesan daripada ketidaklibatan pensyarah dan pelajar yang terlibat. Pemakluman awal sangat membantu dalam setiap program agar kerjasama wujud antara pelajar dan staf.

Pandemik Covid-19 merupakan wabak yang sedang melanda negara di seluruh dunia dan memberi kesan kepada semua peringkat. Hampir semua staf akademik dan pentadbiran diarahkan melaksanakan kerja dari rumah (BDR). Terkini 30% staf pentadbiran perlu BDP mengikut pekeliling Naib Canselor. Banyak tindakan yang perlu diambil seperti pematuhan SOP yang sangat penting untuk dipatuhi. Penyediaan QR CODE, peraturan yang perlu dipatuhi ditampal di ruang yang terbuka dan jelas. Pengajaran dan pembelajaran bersemuka yang memerlukan staf hadir ke fakulti untuk kuliah 3B memerlukan staff scan kehadiran, semak suhu dan ikut SOP yang betul. Sedikit sebanyak aktiviti pengajaran dan pembelajaran memerlukan inisiatif baru demi kelangsungan ilmu berpanjangan. Halangan atau cabaran yang boleh mengganggu keupayaan penyampaian perkhidmatan secara berkesan terutamanya berkaitan pencapaian pengajaran. FSSR menjurus kepada projek-projek hands on dan skill yang menuntut pembelajaran bersemuka. Memandangkan kekangan yang dihadapi oleh semua staf terlibat, maka beberapa pendekatan telah digunapakai. Setiap pensyarah dan staf pentadbiran diperkenalkan dengan beberapa aplikasi menjadi pilihan sebagai alternatif seperti aplikasi GOOGLE MEET, WEBEX, ZOOM, HR2U dan aplikasi SIMS dan sebagainya. Selain itu aktiviti setiap semester pelajar akhir untuk mengadakan pameran juga tidak dapat dijayakan secara bersemuka. Pendekatan pameran secara maya digunakan dan karya akhir pelajar dapat dipersembahkan dalam bentuk montaj seperti Virtual Show melibatkan semua program bagi mempamerkan karya pelajar tahun akhir. Hal ini, telah berjaya membentuk jalinan komuniti yang mempunyai perbezaan minat dan bidang seraya mewujudkan satu budaya rentas bidang di dalam memajukan bidang seni lukis dan seni reka setempat.

Selain itu kekangan para pensyarah mengikuti seminar dan bengkel-bengkel dapat dikongsikan secara live webinar seperti kebanyakan pensyarah FSSR jayakan seperti Bual bicara sempena Pameran Lakar Wanita Retrospektif 2020 melibatkan alumni FSSR di dalam pameran ini. Untuk memastikan setiap aktiviti mendapat sambutan dengan baik, beberapa aspek perlu digunakan seperti mempromosikan atau mewartawakan aktiviti secara kerap, kehadiran direkodkan dan sijil turut disertakan.

Pengurusan risiko bagi organisasi adalah penting kerana tanpanya ibarat fakulti tidak mampu memainkan peranan sebenar. Contoh kes pandemik Covid 19 yang berlaku di seluruh dunia kini memerlukan perancangan lanjut kepada fakulti Jika berlaku risiko, para pensyarah dan staf sokongan masih lagi dapat menyumbang kepada dunia pendidikan berkualiti di samping mengurangkan kadar keciciran berlaku.

SENARAI BUKTI :

1. [ONLINE.pdf](#)
2. [LAKAR WANITA.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Di FSSR, setiap semester borang tinjauan akan diberi kepada warga FSSR untuk menganalisa maklumbalas dan tahap kepuasan mereka dengan menggunakan aplikasi yang disediakan. Contohnya di laman sesawang FSSR tersedia QR Code untuk memberi Aduan Maklum Balas Pelanggan (AMBP). Dari itu, pihak fakulti akan mengambil tindakan terhadap maklumbalas yang diberikan.

FSSR, turut menekankan dalam memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif untuk membantu proses pembangunan pelajar. Secara tidak langsung, suasana pembelajaran yang selesa meningkatkan semangat di kalangan pelajar dan staf untuk belajar dan bekerja. Antara tindakan yang diambil bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah :-

1. Menaik taraf imej fakulti dengan kaedah mengecat bangunan dan menaik taraf infrastruktur yang sedia ada bagi menjamin keselamatan dan keselesaan semua warga FSSR.
2. Menambah bilangan studio bagi pelajar jabatan tekstil yang lebih luas, selesa dan berhawa dingin serta dilengkapi dengan alatan seperti mesin industri, perabot dan kelengkapan yang mencukupi. Bilik ini diberi nama Studio Tekstil.
3. Menaik taraf infrastruktur studio jabatan seni halus dengan mengecat untuk memberi keselesaan dan mood yang baru bagi para pelajar dan pensyarah khususnya.
4. Fakulti mengadakan Karnival Kesenihatan melibatkan semua warga FSSR bagi menjamin hubungan baik antara staf pentadbiran dan staf akademik di Menara Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS), UiTM Shah Alam.
5. Mendorong staf FSSR mengikuti latihan, kursus dan bengkel bagi meningkatkan ilmu dan kepakaran seperti contoh bengkel cara mengendalikan sistem Ufuture, Sims, MyAtp, dan HR2U. Hal ini, dapat meningkatkan prestasi kerja yang lebih baik.
7. "PPE for SABAH" adalah Projek CSR kolaboratif antara dua fakulti iaitu, Jabatan Seni Reka Fesyen, FSSR UiTM bersama Fakulti Sains Gunaan, UiTM. Projek ini dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama antara fakulti.

SENARAI BUKTI :

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSSR mengambil pendekatan dalam pengurusan sumber manusia untuk membantu warga fssr merialisasi ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang. Justeru itu, pihak fakulti memberi pengiktirafan, penghargaan dan ganjaran kepada warga fssr yang mencapai prestasi yang sejajar dengan pencapaian visi dan misi FSSR. Sehubungan itu, penganugerahan tersebut dapat memotivasikan warga fakulti. Juga, terdapat beberapa faktor utama penganugerahan tersebut seperti fisiologi, keselamatan, sosial, kehormatan diri 'Esteem' dan berkembang diri. Berikut merupakan antara penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan FSSR kepada sumber manusia.

i) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah penghargaan berbentuk ganjaran, pengiktirafan dan pujian kepada individu yang memaparkan prestasi cemerlang setiap tahun. Setiap tahun FSSR akan mengadakan Majlis penganugerahan terhadap calon, berbanding tahun 2020, Majlis APC diadakan secara maya dan sesi penggambaran bagi setiap calon. Hal ini kerana, negara menghadapi pandemik Covid -19 yang sangat terkesan kepada semua warga FSSR.

ii) Pada tahun 2019, FSSR telah menjayakan satu Anugerah Akademik dan Kualiti Art & Design (AAKAD) adalah satu program insiatif unit QUAD FSSR yang dianjurkan bagi memberi pengiktirafan tertinggi kepada kecemerlangan para akademik dalam pelbagai bidang di FSSR Shah Alam dan FSSR Puncak ALAM yang telah mengharumkan nama FSSR dipersada kebangsaan & Antarabangsa seiring dengan plan perancangan strategik Unit Kualiti FSSR (QUAD). Objektif utama adalah mempromosikan kepentingan kualiti dan kecemerlangan budaya kerja, mengoptimumkan kecemerlangan prestasi kakitangan Akademik FSSR melalui program pengiktirafan kerja dan misi program. Harapan fakulti agar penerima anugerah ini dapat dicalonkan untuk Anugerah Akademik UiTM (AAU), Anugerah Akademik Negara (AAN) di peringkat kementerian. Terdapat 24 pencalonan, 16 kategori yang terdiri daripada 8 Anugerah Utama, 5 Anugerah Khas Akademik, 2 Anugerah Khas Kualiti melalui 5 juri lantikan professional iaitu, Ketua pembangunan Akademik (BHEA), Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Pensyarah Kanan Fakulti Muzik, Pensyarah Kanan Akademik Pengajian Bahasa dan Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK).

iii) FSSR turut memberi ucapan penghargaan melalui e-mel dan media sosial bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh warga FSSR. Sebagai contoh, e-mel penghargaan diberikan dan juga memuat naik poster di media sosial seperti laman web FSSR, instagram ad_uitm dan facebook FSSR UiTM bagi pengiktirafan pencapaian kecemerlangan.

iv) E-mel ucapan persaraan, perpindahan dan sambutan hari lahir dihantar kepada individu terlibat dan untuk makluman warga FSSR.

SENARAI BUKTI :

1. [AAKAD 2019 - AKNC \(2\).pdf](#)
2. [MEDIA SOSIAL - AKNC \(2\).pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Antara objektif FSSR adalah untuk memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan industri (No. 8 dalam Perkara 2.5 Manual Kualiti Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR) Universiti Teknologi Mara: MK. UiTM.FSSR.01). Oleh itu FSSR sentiasa berusaha untuk meningkatkan aktiviti kerjasama di antara jaringan industri dan komuniti yang merupakan antara pelanggan utama di FSSR.

Perancangan & Pelaksanaan:

Selain tiga fungsi utama FSSR dalam menyediakan dan mengendalikan perkhidmatan pendidikan tinggi seperti berikut; Pengajaran dan Pembelajaran, Menjalankan penyelidikan dan perundingan; Menjalankan penulisan dan penerbitan ilmiah, fungsi keempat yang memfokuskan kepada Alumni. Komuniti dan Kesukarelawan adalah; Menganjurkan program khidmat masyarakat (Rujuk Perkara 2.7 Manual Kualiti Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR) Universiti Teknologi Mara: MK. UiTM.FSSR.01). Oleh itu dalam meningkatkan jalinan hubungan baik dan kerjasama antara FSSR dengan pihak alumni, industri dan masyarakat, pelbagai aktiviti yang dirancang bersifat serampang dua mata yang berfungsi memberi impak bukan sahaja kepada pihak alumni dan komuniti, tetapi juga berimpak dalam pengajaran dan pembelajaran dimana aktiviti – aktiviti yang dijalankan oleh AKK juga melibatkan kursus-kursus serta pelajar terlibat yang boleh dimanfaatkan oleh pihak alumni dan masyarakat. Selain itu, aktiviti seperti Webinar yang dijalankan juga melibatkan perundingan serta perkhidmatan professional alumni dan pensyarah berkongsi ilmu dan pengalaman bersama komuniti.

Bagi memastikan operasi aktiviti-aktiviti serampang dua mata yang bukan sahaja melibatkan alumni dan komuniti, malahan pelajar serta pensyarah, pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut dipastikan untuk dirancang dengan baik, teliti dan efektif dengan merujuk kepada Prosedur Kualiti Operasi FSSR. Antara pelan-pelan operasi penting yang dilaksanakan adalah mengenalpasti sumber-sumber yang diperlukan, sumber-sumber digunakan dengan cekap, mengurangkan risiko dimana mungkin dan menyediakan pelan kontigensi jika perlu.

Antara perancangan operasi bidang tumpuan FSSR, pengurusan kanan sentiasa menumpukan kepada penyelarasan sumber organisasi (manusia, kewangan dan fizikal) yang mudah sepanjang pandemik bagi tujuan mencapai matlamat dan objektif dalam pelan strategik. Objektif utama adalah untuk menyediakan kakitangan perancangan operasi yang jelas akan tugas dan tanggungjawab mereka, memberi tumpuan dalam perkhidmatan dan produk, selaras dengan matlamat dan objektif yang terkandung dalam pelan strategik.

Pemantauan & Tindakan Penambahbaikan:

Seterusnya, bagi memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dijalankan dengan baik, pemantauan yang dijalankan adalah merujuk kepada rekod Carta Alir Prosedur yang ditetapkan di dalam dokumen-dokumen Prosedur Kualiti FSSR dimana setiap proses kerja aktiviti-aktiviti yang perlulah disertakan bersama bukti atau dokumen yang terlibat. Bagi meningkatkan tahap operasi yang tertinggi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti (Ad.vantage, Ad.vocate, Ad.mirable), mesyuarat atau dialog selepas aktiviti tamat akan diadakan sebagai proses amalan refleksi dan perbincangan yang bermatlamat untuk melihat keberkesanan aktiviti yang dijalankan serta membuat keputusan atau inovasi mengenai proses aktiviti tersebut.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Antara proses-proses utama yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan pilihan adalah terdiri daripada empat (4) fasa iaitu yang pertama; iaitu **Operasi Mendapatkan Input**, kedua; **Menjalankan Operasi Kerja (Operation)**, ketiga; **Operasi Mendapatkan Hasil (Output)**, dan keempat; **Operasi Mendapatkan Pencapaian (Outcome)**.

Melalui proses yang pertama, Pengurusan Kanan akan **membincangkan mengenai OS utama Inisiatif/Program/Program berdasarkan 3 Kluster Mengikut PS**, Mengenalpasti pemetaan OS utama Inisiatif/Program/Program berdasarkan Impak & Risiko 5R 1I (Penindikan sekurang-kurangnya satu (1) sasaran PI dan dua (2) kriteria Impak & Risiko 5R 1I. Sesi formal atau separa formal seperti mengadakan mesyuarat, sesi perbincangan dan brain-storming di kalangan pihak terlibat melalui penggunaan telekomunikasi video, emel, dan media sosial seperti aplikasi WhatsApp, Facebook, Twitter dan lain-lain.

Setelah itu, proses yang seterusnya adalah memastikan **Delegasi/Lantikan Tugas/Task Force berdasarkan OS utama** dikenalpasti serta Kertas Kerja Mengikut Prosedur Kualiti Menjalankan Operasi Kerja dimana program-program yang dirancang oleh AKK melalui proses pertama, dijalankan dengan merujuk kepada Carta Alir Prosedur yang boleh didapatkan melalui laman web Fakulti mengikut kepada aktiviti-aktiviti AKK yang melibatkan Prosedur Kualiti Operasi FSSR. (Tidak boleh bersemuka kerana Pandemik). Ini dilakukan melalui kerjasama beberapa PTJ yang terlibat digerakkan secara efektif dalam memastikan pelaksanaan program berjalan dengan tepat, lancar dan berkesan.

Dalam fasa yang ketiga; **Operasi Mendapatkan Hasil (Output), Laporan Aktiviti/ Analisa (SWOT) Pemetaan dan Penindikan OS utama dan Mesyuarat Kaji Semula (Revisit)** diadakan bagi memantapkan lagi strategi serta kempen program dan inisiatif bidang tumpuan ke tahap yang lebih trendy dan fleksibel untuk digerakkan (Activity -Objectivity-Outcome-Impact-Feedback). Mesyuarat dan pembentangan diadakan untuk mengukur pencapaian dan sasaran objektif program-program yang dijalankan melalui sistem Output dan Petunjuk Prestasi (PI).Melalui sistem PI ini, dapat menunjukkan sasaran yang telah dapat dicapai melalui pelbagai program yang dijalankan.

Operasi ke keempat memperlihatkan **proses Operasi Mendapatkan Pencapaian (Outcome)** dimana mesyuarat atau dialog selepas aktiviti tamat akan diadakan sebagai proses amalan refleksi dan perbincangan yang bermatlamat untuk melihat keberkesanan aktiviti yang dijalankan serta membuat keputusan atau inovasi mengenai proses aktiviti tersebut. Menerusi perkara ini, fakulti memperkenalkan inovasi pelan strategi iaitu Ad.aptive 2020 – Memperkenalkan lima (5) strategi inovasi penambahbaikan bagi memantapkan operasi bidang tumpuan alumni, komuniti dan sukarelawan supaya bersifat lebih agile and menepati OS. (Substraction – Multiplication – Division – Attribute Dependency – Task Unification). Fakulti juga membentuk pelan integrasi pengurusan bagi memudahkan sasaran objektif strategi dibawah projek-projek inisiatif bidang tumpuan dapat dicapai semasa pandemik Covid-19.

SENARAI BUKTI:

1. [MANUAL_KUALITI_FSSR_2472020.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di bawah bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, FSSR telah mengenalpasti tiga kluster melalui inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan iaitu Ad.vantage, Ad.vocate dan Ad.mirable. Ad.vantage merupakan kluster program yang diadakan melibatkan kalangan alumni bagi memantapkan hubungan baik antara FSSR beserta pihak alumni. AD.vantage (Kluster projek Alumni) telah berjaya dijalankan melalui projek Webinar Series with Alumni, ADDE Professional Talk dan AnDIC.

Manakala AD.vocate pula merupakan kluster projek-projek yang banyak melibatkan komuniti samaada setempat, antarabangsa ataupun bersasar. Antara program yang dijalankan di bawah kluster Advocate adalah melalui Abilympic, AD Travelog (Cambodia), Program Ibu Tunggal dan Biodiversity Tourism UN-SDG Project di Langkawi & Pulau Tuba.

Antara program-program terbesar FSSR sepanjang pandemik Covid-19 adalah di bawah kluster Ad.mirable di mana melalui inisiatif program PPE Covid-19 dibawah SULAM, program “We Share More, We Have More” dan projek Lestari Alam, telah dapat memanfaatkan pelbagai pihak serta memberi impak tinggi kepada Fakulti serta kumpulan sasaran.

Walau bagaimanapun, seperti yang ditekankan, pelbagai program-program di bawah ketiga-ketiga kluster ini bukan hanya memfokuskan dengan memberi pihak kepada satu pihak sahaja, **kebanyakan inisiatif – inisiatif yang diadakan juga harus memberi faedah kepada banyak pihak.** Justeru itu, dengan penekanan ini dapat membantu FSSR dalam menyempurnakan projek-projek tersebut dengan jayanya walaupun dalam limitasi serta kekangan pergerakan MCO dan kekurangan tenaga kerja di lapangan.

SENARAI BUKTI :

1. [andic2020.pdf](#)
2. [PPE.pdf](#)
3. [travelogAD.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Ad.vantage merupakan kluster program yang diadakan melibatkan kalangan alumni bagi memantapkan hubungan baik antara FSSR beserta pihak alumni. AD.vantage (Kluster projek Alumni) telah berjaya dijalankan melalui projek Webinar Series with Alumni, ADDE Professional Talk dan AnDIC.

Webinar Series yang diadakan memberi peluang kepada pakar bidang (Alumni dan industry) untuk berkongsi pengetahuan dengan staf dan pelajar. Webinar series ini akan diteruskan bagi menjamin hubungan baik di antara alumni dan industri. Persidangan Antarabangsa Seni dan Reka Bentuk 2020 (AnDIC 2020) adalah platform pengumpulan *scholars* dan profesional dari pelbagai bidang Art & Design, menyediakan mereka dengan platform pertukaran idea dalam mengejar kemajuan pengetahuan dalam cabaran global semasa. Andic2020 berkongsi pelbagai isu dan tema yang berkaitan dengan co- creation, inovasi dan transformasi dalam Art & Design dalam menghadapi cabaran global masa kini. Objektif dari Andic2020 ini, adalah transformasi dari segi falsafah asas kesesuaian dan kesinambungan, kandungan dan fungsi Art & design dalam konteks arena global, yang menimbulkan perubahan tingkah laku pada orang, sistem dan organisasi secara holistik.

Manakala AD.vocate pula merupakan kluster projek-projek yang banyak melibatkan komuniti samaada setempat, antarabangsa ataupun bersasar. Antara program yang dijalankan di bawah kluster Advocate adalah melalui Abilympic, AD Travelog (Cambodia), Program Ibu Tunggal dan Biodiversity Tourism UN-SDG Project di Langkawi & Pulau Tuba. Program AD Travelog merupakan program keprihatinan UiTM terhadap penduduk di Kemboja yang menyatakan kesukaran mendapat bekalan air yang bersih kerana tiada bekalan paip air disediakan, terutamanya di kawasan perkampungan . Program ini menjalin hubungan baik di anatara fakulti dan UiTM Bersama masyarakat di Kemboja.

Antara program-program terbesar FSSR sepanjang pandemik Covid-19 adalah di bawah kluster Ad.mirable di mana melalui inisiatif program PPE Covid-19 dibawah SULAM, program “We Share More, We Have More” dan projek Lestari Alam, telah dapat memanfaatkan pelbagai pihak serta memberi impak tinggi kepada Fakulti serta kumpulan sasaran. Program PPE Covid-19 ini merupakan peralatan perlindungan diri (PPE) untuk kegunaan petugas barisan hadapan terutamanya yang mengendalikan kes wabak Covid-19. Projek khidmat sosial masyarakat (CSR) ini turut dibantu alumni, badan bukan kerajaan (NGO) dan sumbangan orang ramai dengan dengan pemberian bahan mentah untuk proses pelaksanaan PPE ini.

SENARAI BUKTI:

1. [andic2020.pdf](#)
2. [webinar move on.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa risiko yang dikenalpasti dalam pelaksanaan setiap pengurusan operasi fakulti, Beberapa aspek telah disasarkan tinggi namun kebarangkalian untuk tidak mencapai sasaran disebabkan jangka masa atau tempoh program berlangsung dan diselesaikan adalah tidak sejajar (mustahil).

1) **Risiko yang dikenalpasti dalam perancangan dan pelaksanaan operasi FSSR** sepanjang tempoh 2019-2020 adalah seperti berikut:

2) **Tahap efisensi pengurusan operasi bagi projek-projek jangka pendek** (Bagi projek-projek bersifat ad-hoc/jangka masa pendek akan melibatkan pengurusan operasi yang kurang efisien dengan ahli yang sama. Jumlah penglibatan staf yang terlibat perlu selaras dengan ATP keseluruhan)

3) **Keterimaan / adaptasi pendekatan-pendekatan baru** yang dirancang (dilihat too-ambitious bagi segelintir ahli dan boleh memberi kesan kelancaran aktiviti)

4) **Amalan birokrasi, polisi dan prosedur-prosedur yang rumit/lapuk** (Sesetengah projek berdepan dengan kerumitan pengurusan birokrasi UiTM dan terlebih tempoh)

6) **Motivasi pada kumpulan sasaran** untuk menjayakan projek-projek berjangka masa panjang atau terlebih tempoh sasaran. (Motivasi dan momentum bekerja menurundengan bebanan tugas hakiki)

7) **Kurang peka terhadap pengurusan risiko** bagi setiap projek/program dan aktiviti (Kebanyakan program yang ingin dilaksanakan tidak membentangkan atau mempamerkan faktor risiko-risiko yang bakal dihadapi serta tindakan pencegahanyang perlu diambil)

8) **Pengurusan masa dan durasi pelaksanaan** (Dengan jadual akademik yang padat serta jumlah pelajar yang ramai serta kekangan aktiviti-aktiviti ad-hoc yang lain akan menyebabkan beberapa program tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dalam tempoh 2019-2020).

9) **Masalah pandemik yang melanda negara** dan dunia telah menghalang pengurusan operasi fakulti untuk menjayakan projek-projek berjangka masa panjang atau terlebih tempoh sasaran.

SENARAI BUKTI :

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSSR menentukan dan memilih peluang untuk **penambahbaikan** dan **melaksanakan** apa-apa tindakan yang perlu bagi **memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan hati pelanggan** yang meliputi:

- a) **Memperbaiki produk dan perkhidmatan** supaya memenuhi keperluan dan juga bagi menentukan keperluan dan jangkaan masa depan;
- b) **Membetulkan, mencegah atau mengurangkan kesan** yang tidak diinginkan
- c) **Meningkatkan prestasi dan keberkesanan** sistem pengurusan kualiti

Secara amnya, tiga langkah disebut di atas akan dipraktikkan melalui penghasilan dokumen rasmi laporan post-mortem setiap kali sesuatu program tamat dan disertakan ke dalam laporan yang akan diserahkan ke pejabat-pejabat timbalan dekan yang berkaitan. Malah, proses pelaporan penamatan projek secara rasmi dimasukkan sebagai salah satu prosedur penting kualiti FSSR.

SENARAI BUKTI :

1. [Carta Alir Penamatan Projek.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan dan Inovasi (Amalan dan Pembudayaan)

Pada awal tahun sepanjang pandemik, sesi penilaian semula menekankan kepada proses penambahbaikan meletakkan beberapa pelan inovasi dan intervensi terpaksa diwujudkan. Terdapat dua (2) inovasi yang dihasilkan setelah analisa dibuat mengikut tiga kluster AD dalam jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan iaitu Lima strategi penambahbaikan (Ad.aptive 2020) serta Pelan Integrasi Pengurusan Covid-19)

Kaedah penambahbaikan yang dibangunkan bagi inisiatif bidang tumpuan:

Melalui lima strategi inovasi penambahbaikan AD.aptive (infografik), strategi penambahbaikan bagi setiap inisiatif yang digerakkan, dapat dimantapkan dan bersifat agile walaupun mengalami kesulitan di kala pandemik Covid-19. (2.4.3)

Pembentukan Pelan Integrasi Pengurusan juga dibentuk bagi memudahkan operasi inisiatif di bawah bidang tumpuan FSSR. Ini memastikan operasi yang dijalankan dapat mencapai sasaran OS utama.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil utama ketiga adalah Hasil proses operasi. Fakulti menggunakan Prosedur Kualiti di dalam memastikan keberkesanan operasi inisiatif-inisiatif kecil ke arah kluster tiga projek utama AD. Kecekapan pengurusan yang melibatkan alumni (AD.vantage), komuniti (AD.vocate) dan aspek kesukarelawan (AD.miracle) secara langsung dan tidak langsung memaksimumkan jangkauan projek-projek yang dijalankan.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAKSANAAN PERINCIAN (EMPOWERMENT)

Hasil dari proses berkait rapat dengan bukti kecekapan FSSR menjalankan program pada **peringkat perincian pelaksanaan** di samping mencapai strategi yang telah dirancang pada peringkat pengurusan tertinggi. Semua bukti kecekapan operasi boleh dikaitkan dengan kekuatan FSSR di dalam pengurusan jaringan alumni, penglibatan di dalam komuniti dan usaha berterusan untuk pembangunan sendiri warga melalui program kesukarelawan.

Proses operasi dirancang dan mengalami proses tambah baik berterusan. Ini berlandaskan sifat semulajadi pengurusan sumber manusia yang fleksibel di FSSR dan budaya saling bantu membantu di kalangan warga. Projek kluster 3AD dibentuk dari projek inisiatif-inisiatif yang bermula di peringkat akar umbi. Pengendalian setiap projek dibolehkan dengan penubuhan **Special Task Force** yang dedikasi dalam melaksanakan projek tersebut. Peluang menjadi ketua projek turut mengalami putaran semulajadi dan tidak hanya bergantung kepada senioriti dalam perkhidmatan, sebaliknya memberi peluang untuk komposisi **ahli projek yang pelbagai bidang dan gred jawatan serta merangkumi staf akademik dan staf pentadbiran**. Ini membantu seseorang staf **menggilap skil baharu, saling belajar dari satu sama lain** dan berkongsi dan menggunakan kemahiran tersebut untuk projek seterusnya.

KEBERKESANAN KAEDAH BOTTOM UP + TOP DOWN

Perjalanan mana-mana projek di bawah kluster 3AD adalah sepanjang tahun. Oleh itu, proses pelaporan tidak hanya tertakluk kepada hanya dua atau tiga kali setahun. Sebaliknya, inisiatif-inisiatif kecil yang turut menyumbang kepada kluster *AD.Vantage*, *AD.Vocate* dan *AD.Miracle* boleh berlaku secara ad-hoc dengan jangka masa merancang dan melaksana yang amat singkat. Proses operasi FSSR telah lama membiasakan diri dengan proses kerja seperti ini dan turut membina kompetensi dalam menjalankan aktiviti ad-hoc dengan jayanya. Inisiatif seperti ini menyerupai pergerakan pantas industri dan komuniti setempat. Dengan kebolehan FSSR mengatasi masalah birokrasi yang sering menjadi penghalang kepada kecekapan operasi, menampilkan **penambahan bilangan projek yang bermula hasil inisiatif jabatan-jabatan berbentuk 'bottom up' di samping projek besar yang berbentuk strategi 'top down' hasil inisiatif pihak pengurusan**. Oleh sebab itu, tidak heranlah FSSR merupakan fakulti yang meriah dengan pelbagai projek sepanjang tahun.

DOMINASI- LEGASI KETAMPAKAN

Kecekapan FSSR dalam pelaksanaan projek dan program di bawah Kluster 3AD jelas melalui kedudukan dominannya di kalangan fakulti seni lukis dan seni reka lain di seluruh negara. Dominasi ini dapat dibuktikan melalui **faktor ketampakan yang tinggi dan penyertaan FSSR di pentas utama aktiviti berkaitan industri kreatif negara**.

Malah, kejayaan alumni serta staf akademik melakar nama di dalam pelbagai bidang, terus

membanda meningkatkan mata program fakulti berbentuk akademik dan bukan akademik. Sehubungan itu, FSSR mengambil serius tanggungjawab untuk meneruskan perhubungan komunikasi dua hala yang memberi suasana kondusif warga fakulti meneruskan 'constant engagement' dengan jaringan alumni dan masyarakat. Saluran projek jangka masa panjang dan pendek amat mudah diperolehi melalui talian ini. Ekoran dari itu, tiga belas program sarjana muda dan empat kursus sarjana yang ditawarkan di fakulti sentiasa menerapkan 'real life project' ke dalam kursus-kursus studio. Sebagai contoh, program 'Moving Forward with Alumni' yang turut melibatkan proses menandatangani MOU secara rasmi serta program Seni untuk Komuniti yang melibatkan elemen 'knowledge transfer' di peringkat komuniti setempat (projek mural sekolah), kebangsaan (Mural Petronas) dan antarabangsa (Lawatan akademik ke Jakarta).

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [1_FSSR_HASIL_UTAMA_1 - TAHAP .pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [1_FSSR_HASIL_UTAMA_1 - TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [1_FSSR_HASIL_UTAMA_1 - BENCHMARK.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [1_FSSR_HASIL_UTAMA_1 - KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Utama pertama adalah Hasil dari Pelaksanaan Strategi. Ini dilihat dari pencapaian Objektif Kualiti FSSR melalui pencapaian KPI para pejabat Timbalan Dekan yang berkaitan dengan dipantau oleh unit BTU fakulti. Projek-projek dijalankan dengan melibatkan alumni (AD.vantage), komuniti (AD.vocate) dan aspek kesukarelawan (AD. mirable) seperti yang dirancang berdasarkan situasi semasa.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil dari Pelaksanaan Strategi boleh dilihat dengan pencapaian Objektif Kualiti FSSR 1 (Enrolmen), 5 (Kebolehpasaran) dan 6 (Penyelidikan dan Penerbitan). Penglibatan alumni, komuniti dan kesukarelawan adalah optimum melalui projek-projek yang dirancang di dalam Perancangan Strategik FSSR. Sebanyak dua belas (12) MoU dalam negara, enam (6) MoU luar negara, satu (1) MoA luar negara dan enam (6) Lol yang berstatus aktif di FSSR (FSSR sebagai champion). Satu (1) MoA dalam negara masih menunggu kelulusan pihak universiti. Selain dari itu, FSSR juga giat menjalankan kerjasama dengan universiti-universiti lain yang telah mempunyai MoU dengan UiTM (fakulti lain sebagai champion). Sinergi di antara warga FSSR dengan alumni (AD.vantage) dan komuniti (AD.vocate) dilihat melalui penglibatan alumni dan komuniti secara langsung di dalam program-program seperti LOAD, ADDE, AnDIC, Round Table Talk, Professional Talk dan paemran-pameran seni yang berlangsung sepanjang 2019 dan 2020. Sinergi ini juga dimanifestasi melalui usaha kesukarelawan (AD.mirable) di dalam projek AD Travelog dan penghasilan PPE. Pelaksanaan projek yang kebanyakannya berbentuk bersemuka ditukar ke bentuk maya berikutan kesan pandemik pada tahun 2020. Maka pelaksanaan beberapa projek yang berteraskan AD.vantage, AD.vocate dan AD.mirable distruktur semula agar keberkesanannya lebih dinamik. Ini boleh dilihat melalui pelaksanaan webinar-webinar secara maya seperti Art and Design International Conference, International AD Fashion Webinar, Siri Pemantapan OKU dan Webinar Series yang dijalankan oleh program-program akademik di bawah FSSR. Dengan menggunakan pelantar digital dan media sosial, jangkauan kepada komuniti adalah lebih besar dan seraya meningkatkan ketampakan FSSR.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [FSSR_HASIL UTAMA 2 - TAHAP .pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [FSSR_HASIL UTAMA 2 - TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [FSSR_HASIL UTAMA 2 - BENCHMARKING.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [FSSR_HASIL UTAMA 2 - KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Utama kedua adalah Hasil dari Tumpuan Sumber Manusia. Penglibatan warga fakulti, alumni dan komuniti adalah optima di dalam setiap pelaksanaan inisiatif projek. Penghargaan kepada para staf dilakukan dan penglibatan alumni dan komuniti diwar-warkan di setiap projek. Laporan UHI juga memperlihatkan peningkatan sebanyak 4% pada pelaporan 2020 berbanding tahun 2018.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil tumpuan sumber manusia FSSR menunjukkan tahap pencapaian yang baik melalui lima (5) pendekatan:-

- i. Penglibatan warga FSSR sebagai moderator, penceramah, ahli *Task Force*
- ii. Penglibatan warga FSSR di dalam projek USR sepanjang 2019 dan 2020
- iii. Penganugerahan Anugerah Akademik dan Kualiti Art & Design (AAKAD) 2019
- iv. Pelaksanaan Art and Design International Conference (AnDIC) 2020
- v. Jangkauan Pemegang Taruh menerusi Jaringan Industri Warga FSSR

Secara amnya, warga staf akademik dan pentadbiran FSSR mempunyai kesepakatan yang berbeza-beza berdasarkan bidang program akademik masing-masing . Kecenderungan penglibatan warga staf akademik lebih kepada program berskala mikro dan makro yang melibatkan program akademik dan hubungan akademia-industri. Manakala penglibatan warga staf pentadbiran adalah untuk menyokong program-program ini dari segi sistem sokongan dan dokumentasi. Kesimpulannya, melalui aktiviti-aktiviti yang telah dipetakan sesuai dengan perancangan strategik FSSR, seluruh warga FSSR; staf akademik dan pentadbiran; adalah sangat proaktif dan komited dalam menjayakan projek-projek yang dijalankan di peringkat penglibatan alumni atau sebagai alumni (AD.vantage), komuniti (AD.vocate) dan *Universiti Social Responsibility* (USR) (AD.mirable).

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [HASIL UTAMA 3 - TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [HASIL UTAMA 3 - TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [HASIL UTAMA 3 - PERBANDINGAN TANDA ARAS.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [HASIL UTAMA 3 - KEPENTINGAN.pdf](#)